

Bab Kedua

Tuan Haji Yusof Rawa Dan Pergerakan Islah Di Malaysia

1. Pendahuluan.

Setelah kita membincangkan latar belakang masalah dalam bab pengenalan, maka pengkaji akan meneruskan kajian ini dengan mengemukakan bab kedua bertajuk Tuan Haji Yusof Rawa dan sejarah pergerakan islah di Malaysia. Menurut pengkaji memandangkan tajuk utama kajian ini melibatkan idea-idea islah yang ditonjolkan di dalam *Majalah al-Islah*, maka bab ini merupakan suatu bab yang agak penting untuk diketengahkan bagi melihat hubungkait di antara perkembangan persuratan dan sejauhmana peranan yang dimainkan oleh golongan islah dalam menerbitkan lidah penyampainya kepada masyarakat umum.

Pengkaji akan mulakan dengan sejarah perkembangan gerakan islah di Alam Melayu. Namun sebelum itu, pengkaji akan membincangkan dengan ringkas mengenai sejarah awal kehadiran gerakan islah di dunia Islam terutamanya di kawasan Timur Tengah dan India. Bahagian ini juga pengkaji akan menerangkan beberapa sub topik penting yang dirasakan dapat membantu menjawab kepada persoalan kajian yang telah diselitkan di dalam bab pertama. Sub topik dimulakan dengan perbincangan mengenai sejarah perkembangan awal di dunia Islam, sebab musabab timbulnya gerakan islah, pengaruh yang dibawa dan kesan kepada kemunculan islah ke Alam Melayu dengan membangunnya institusi madrasah, terbitnya lebih banyak bahan bacaan berunsur agama serta kemunculan Kaum Tua dan Kaum Muda.

Dan melalui kemunculan dua golongan ini, maka lahirlah dua aliran, iaitu konservatif dan satu lagi lebih bersifat reformis serta lebih agresif dalam membicarakan arus kemodenan negara. Oleh itu, melalui kemunculan aliran Kaum Muda ini, lahirlah

seorang tokoh reformis iaitu Tuan Haji Yusof Rawa yang merupakan seorang tokoh politik, juga ahli perniagaan, dan pengasas kepada *Majalah al-Islah* yang akan kita bincangkan dengan lebih lanjut di dalam sub topik seterusnya.

2. Perkembangan Gerakan Islah Di Malaysia

Dalam bahagian ini pengkaji akan memberikan gambaran umum mengenai sejarah perkembangan gerakan islah di Malaysia. Di mana pengkaji akan membahagikan kepada beberapa sub topik yang dirasakan penting untuk pengkaji nyatakan di sini. Sebagai pengenalan awal, pengkaji akan memberikan penafsiran ringkas apakah yang dimaksudkan dengan islah. Pengertian ini amat penting untuk ditafsirkan oleh pengkaji bagi menjelaskan lagi skop kajian agar dapat menjawab kepada keseluruhan kajian ini.

Seterusnya sub topik kedua dilanjutkan dengan sejarah awal kemunculan gerakan islah dan pengaruhnya terhadap Tanah Melayu. Namun sebelum pengkaji pergi lebih jauh terhadap pengkajian sejarah gerakan islah di Malaysia, tidak dapat tidak terlebih dahulu wajar kiranya pengkaji nyatakan juga mengenai sejarah kemunculan gerakan islah yang mula dicetuskan di Timur Tengah dan juga India. Ini kerana Timur Tengah dan India adalah sumber dan akar tunjang kepada kemunculan gerakan islah di Malaysia. Walaupun usaha-usaha ke arah itu telah mulai subur di Tanah Melayu, namun kehadiran pengaruh yang dibawa oleh aliran pemikiran dari Timur Tengah menghangatkan lagi suasana islah di Semenanjung. Kelahiran *Urwātul Uthqā* merupakan perintis kepada perjuangan islah di Malaysia. Dan apa yang perlu kita ketahui bahawa sungguhpun pengkaji mengakui bahawa negara-negara lain seperti Indonesia juga turut menyumbang kepada gerakan islah di Malaysia, namun pengkaji

hanya memfokuskan kepada dua buah negara yang begitu dominan dengan kemunculan gerakan islah di Malaysia.

Dan memandangkan kajian ini lebih bersifat umum, maka pengkaji turut membincangkan mengenai pertumbuhan dan perkembangan gerakan islah di Malaysia kepada dua tahap sepertimana yang dinyatakan oleh Mohd Rodzi dan O.K. Rahmat. Walaupun terdapat beberapa pengkaji lain yang turut mengkaji sejarah perkembangan gerakan islah seperti Abdul Rahman Haji Abdullah, William Roff dan Mohd Jamil Mukmin (mengikut kronologi tahun), namun pengkaji lebih tertarik kepada kajian Mohd Rodzi dan O.K. Rahmant yang membahagikan sejarah gerakan islah kepada dua bahagian agar kajian ini lebih terarah dan tersusun dari segi kronologi sejarah pergerakan itu sendiri.

Di mana tahap pertama (1906 – 1930-an), perkembangannya lebih bersifat menyedar, membangun dan mengukuhkan konsepsi pegangan umat Islam. Manakala tahap kedua pula (1940 – 1948-an), sifat perjuangan menjadi semakin matang dengan diwarnai oleh penjajahan Jepun dan kemunculan parti-parti politik yang memperjuangkan semangat nasionalisme. Bermula dengan Negeri-negeri Bersekutu kemudian diikuti Negeri-negeri Tidak Bersekutu. Kemudian pengkaji akan menambah tahap yang seterusnya selepas merdeka (1957 – 1970-an), di mana konsep perjuangan yang ditunjukkan di dalam sejarah gerakan islah semakin didominasi oleh isu kemerdekaan dan memperluaskan bentuk perjuangannya meliputi bidang pendidikan, sosial, ekonomi dan politik yang digerakkan oleh pertubuhan-pertubuhan tertentu. Walaupun Abdul Latiff Abu Bakar (1996) menyatakan tahap kedua dan ketiga gerakan kebangsaan berada di dalam lingkungan tahun 1926 – 1941,⁷³ namun pengkaji

⁷³ Abdul Latiff Abu Bakar (1996), “Penulisan Dalam Gerakan Kebangsaan Di Malaysia” dalam *Melaka Dan Arus Gerakan Kebangsaan*, Universiti Malaya, h. 99.

menyatakan tahun selepas merdeka adalah merupakan tahap ketiga. Cuma yang membezakannya adalah matlamat perjuangannya yang lebih menjurus kepada semangat kebangsaan dan diwarnai dengan “dekad pembangunan”. Rokiah Talib (1994), pernah menyatakan bahawa dekad dari tahun lima puluhan hingga enam puluhan dikenal sebagai dekad pembangunan.⁷⁴ Keinginan dan kesedaran untuk membasmi kemiskinan menjadi penggerak untuk membangun. Begitu juga keruntuhan sistem penjajahan (yang dianggap sebagai penghalang kepada pembangunan) menimbulkan semangat kebangsaan di kalangan pemimpin dan masyarakat.

Dan satu hal yang perlu diketahui, walaupun kajian ini tertumpu kepada sebuah penerbitan di Pulau Pinang, namun pengkaji tidak boleh mengabaikan perkembangan gerakan islah di negeri-negeri semenanjung yang terlibat sama dalam menyemarakkan perkembangan islah di Malaysia. Perjalanan sejarahnya mempunyai kesinambungan di antara satu negeri ke satu negeri. Maka dengan ini pengkaji perlu membincangkannya secara ringkas sebelum menyentuh lebih khusus kepada perkembangan islah di Pulau Pinang. Namun sungguhpun begitu, pengkaji tidak bermaksud untuk menyentuh perkembangan islah di Pulau Pinang secara terperinci, cukup sekadar secara mendatar agar dapat dilihat kesinambungan di antara pergerakan islah dengan kehadiran *Majalah al-Islah* itu sendiri.

Di samping itu, kajian ini melakarkan kesan-kesan langsung dari sejarah pergerakan islah di Timur Tengah dan India. Kemudian pengkaji juga akan menyentuh secara ringkas mengenai kemunculan Kaum Tua dan Kaum Muda yang dilihat terlibat sama dalam menyumbang kepesatan aktiviti penerbitan di Malaysia. Kemunculan dua aliran ini cukup sekadar pengenalan awal dan pengkaji tidak perlu untuk melebarkan perkembangannya hingga kini yang sudah bercampur aduk dan dikenali dengan

⁷⁴Rokiah Talib (1994), *Politik dan Isu Ekonomi Di Kelantan: Satu Kajian Sosio Ekonomi*, Gateway Publishing House, h. 24.

pelbagai gelaran seperti *Salaf, Salafiah, Golongan Ittiba' al-Sunnah, Ansar al-Sunnah, Golongan Tajdid, Muslim Progresif* dan lain-lain mengikut kronologi semasa.

2.1 *Islah Dan Pengertiannya.*

Perkataan *islah* dipinjam dari perkataan Arab, *aslahā-yuslihū* yang telah diterimapakai di dalam perbendaharaan kata Bahasa Melayu bererti lawan dari kata rosak (fasad).⁷⁵ Iaitu menghilangkan sesuatu kerosakan, memperbaiki sesuatu setelah ia rosak, mengembalikan sesuatu hak kepada yang berhak sama ada ia hak sesama manusia ataupun hak Allah.⁷⁶ Dari sudut bahasa, *islah* (إصلاح) berasal dari perkataan *aslahā* (أصلح) kata kerja transitif atau *muta'addi* bagi kata dasar *salāhā* dan *salūha* (صلح) yang bermaksud menghilangkan kerosakan atau menjadi baik, baik dan elok.⁷⁷ Bagi Ibnu Manzur pula, perkataan *aslahā* itu membawa maksud kepada meluruskan, memperbaiki dan memperelokkan sesuatu.⁷⁸

Menurut *Kamus al-Mūnjid*, *islah* membawa maksud mengembalikan kepada sesuatu dalam bentuk yang asal.⁷⁹ Menurut Kamus Dewan, *islah* merupakan suatu usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada suatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai.⁸⁰ Manakala menurut *The Encyclopedia of Islam* pula, telah memberikan takrifan kepadanya sebagai *reform* yang membawa makna perbaikan atau pembaharuan dalam pelbagai bidang. Antaranya bidang kebudayaan, sosial, keagamaan dan sebagainya.⁸¹ Reformasi dalam Islam pula bermakna bukanlah mengubahsuai Islam, namun ia hanya

⁷⁵ Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad (2006), "Asas-Asas Reformasi Pemikiran Dalam Islam", *Jurnal Usuluddin*, bil. 23-24, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 51.

⁷⁶ Abdullah al-Bustani (1927), *Fakihat al-Bustani*, Beirut: Matba'ah Amrikannah, h. 319.

⁷⁷ Al-Khalil al-Nahwi (1991), *al-Mu'jam al-'Arabi al-Muyassar*, Tunisia: ALESCO, h. 291.

⁷⁸ Ibn Manzur (1990), *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir, jil. 2, h. 516.

⁷⁹ _____ (1992), *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam*, Beirut: Darul Musyrik, h. 12.

⁸⁰ Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), *op.cit.*, h. 590.

⁸¹ P. J. Bearman (1993), *The Encyclopedia of Islam*, New Edition vol. 2. Leiden: E. J. Brill, h. 142.

merupakan sebuah gerakan untuk kembali kepada Islam dan pesan-pesan aslinya dengan lebih menekankan aspek teologi dalam kesatuan.⁸²

Dan di dalam Islam zaman moden, *islah* merupakan sebahagian daripada proses pembudayaan sejarah yang mempunyai kaitan dengan pergerakan reformasi moden golongan Salafiyyah di dunia Arab. *Islah* adalah lambang kepada fenomena evolusi Islam pada akhir abad ke-19 M. Ia merupakan satu proses yang melahirkan beberapa pergerakan pembaharuan di kalangan tokoh pada waktu itu seperti Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad Abduh dan lain-lain.⁸³

Justeru itu, islah boleh dirumuskan bahawa perkataan *aslahā* dan *islah* itu memberikan suatu makna yang jelas kepada kita tentang pengertiannya merujuk kepada proses pembaikan dan pemulihan terhadap sesuatu yang telah *fasād*, peningkatan mutu kepada yang telah mundur, mendamaikan kepada kedua belah pihak serta menyusun dan mengurus dengan baik agar sesuatu yang direncanakan tidak terseleweng atau menyimpang dari landasan syariat yang sebenarnya. Walaupun banyak istilah yang digunakan oleh para pengkaji dalam menggambarkan makna sebenar perkataan *islah*, namun pengkaji beranggapan ia bukanlah suatu hal yang penting untuk dibincangkan, kerana semua itu menjurus kepada matlamat yang satu iaitu untuk membawa perubahan dan memperbaiki daripada yang kurang baik menjadi lebih baik dan dari kurang elok menjadi lebih elok.

⁸² Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad (2006), *op.cit.*, h. 51.

⁸³ Azman bin Md Zain (2001), *Pembinaan Peradaban Ummah Melalui Proses Islah Mengikut Pemikiran Sayyid Jamal al-Din al-Afghani*, Disertasi Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h. 11.

3. Sejarah Awal Gerakan Islah Dan Hubungannya Dengan Tanah Melayu

Pada dasarnya boleh dikatakan bahawa gerakan islah ini berlaku di mana-mana segenap pelusuk dunia di sepanjang zaman. Di abad ini, terdapat ramai tokoh-tokoh islah yang lahir dari semasa ke semasa. Di India contohnya, lahirnya Sayyid Amir Alī (M.D. 1928 M)⁸⁴ dan Sir Muhammad Iqbal (M.D. 1938 M).⁸⁵ Di Mesir pula, lahirnya tokoh aktivis Islam seperti al-Syahid Hassan al-Banna (M.D. 1949 M)⁸⁶ dan al-Syahid Sayid Qutūb (M.D. 1965 M).⁸⁷ Di Pakistan lahirnya tokoh seperti Abū al-A'la al-Maudūdi (M.D. 1981 M).⁸⁸ Di Iran lahirnya tokoh revolusi seperti Ayātullah al-Khumainī (M.D. 1990 M).⁸⁹ Usaha ini telah disambung oleh para penggerak kebangkitan dakwah Islamiyyah sehingga hari ini dan diharapkan berlakunya perubahan yang progresif⁹⁰ dalam menegakkan kembali nur Islam yang sebenar.

Misalnya pada abad ke-14 M, munculnya seorang ulama yang dikenali dengan gelaran Ibn Taimiyyah⁹¹ melakukan tentangan yang hebat terhadap golongan sufisme dan umat Islam yang terkandas dalam permasalahan bidaah. Beliau begitu hebat

⁸⁴ Amir Ali berpendapat bahawa Nabi Muhammad adalah "guru agung", seorang yang percaya kepada kemajuan, yang menjunjung tinggi penggunaan akal, dan bahkan seorang pelopor agung rasionalisme, iaitu seorang manusia yang benar-benar moden. Islam dipandang sebagai agama paling ideal, yang menanamkan suatu kepercayaan yang besar kepada Tuhan dan menekankan kesucian moral serta kod etika yang tinggi.

⁸⁵ Muhammad Iqbal merupakan seorang penyair, pujangga dan ahli falsafah besar pada abad ke-20. Beliau dilahirkan di Sialkot, Punjab, India pada 9 November 1877 dan meninggal dunia di Lahore pada 21 April 1938 ketika berusia 60 tahun. Beliau turut dikenali sebagai pemikir yang sentiasa berusaha mengembalikan umat Islam kepada asas pemikiran Islam yang sebenar. Beliau dikatakan pernah mengkritik dengan menyatakan bahawa kemunduran Islam itu berpunca daripada umat Islam itu sendiri yang tidak kreatif dalam menajankan pembangunan serta berada dalam kejudaman yang nyata.

⁸⁶ Hassan al Banna (14 Oktober 1906 – 12 Februari 1949) merupakan reformis sosial dan politik Mesir yang terkenal sebagai pengasas gerakan Jamiat al-Ikhwān al-Muslimūn. Beliau dilahirkan pada Oktober 1906 di desa al-Mahmudiyyah di daerah al-Bahriyyah, Iskandariah, Mesir (Barat Laut Kaherah)

⁸⁷ Sayyid Qutub (9 Oktober 1906-29 Ogos 1966) merupakan seorang penulis Mesir, pendidik, penyair dan intelektual terkemuka dari Ikhwān Muslimīn Mesir di era 50-an dan 60-an. Beliau dikatakan banyak mengkritik mengenai budaya pemodenan yang dibawa oleh Barat yang dianggap agak bersifat materialistik dan penuh dengan unsur keganasan.

⁸⁸ Sayyid Abul A'la Maududi (25 September 1903-22 September 1979) merupakan salah seorang ulama abad ke-20 dan pengasas *Jamaat al-Islami* (Parti Islam). Beliau merupakan seorang ahli falsafah, sasterawan dan aktivis yang aktif dalam pergerakan dan perjuangan Islam di seluruh dunia. Maulana Maududi merupakan salah seorang pendokong kepada perjuangan Sayyid Qutub di Mesir iaitu Jamiat Ikhwān Muslimūn. Sebagaimana Qutub, Maududi juga merupakan tokoh pembangunan dan perjuangan Islam seluruh dunia.

⁸⁹ Ayatullah al-Khumaini (17 Mei 1900- 3 Jun 1989) adalah seorang pemimpin Revolusi Iran (1979) dan Presiden Republik Islam Iran pada tahun 1981-1989.

⁹⁰ Mohamad Noor binti Deris (1995), "Proses Islah Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas" dalam *Seminar Pengajian Syariah 95'* pada 13 – 14 Jun 1995, Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya, h. 17.

⁹¹ Nama sebenar beliau ialah Taqiyyudin Abul-Abbas Ahmad ibn Abdul Halim ibn Abdul Salam bin Abdullah bin Taimiyah al-Harrani al-Hanbali (22 Januari 1263-1328) adalah seorang ahli pemikir dan ulama Islam dari Harran, Turki yang bermazhab Hanbali. Ketika hayatnya beliau banyak melakukan penentangan terhadap golongan sufisme dan segala perbuatan bidaah yang bercanggah dengan hukum Islam. Menurut beliau lagi, sumber Islam yang wajib dipatuhi oleh umat Islam hanyalah dua iaitu al-Quran dan Sunnah dengan menafikan berlakunya ijmak secara hakiki selepas zaman sahabat serta menentang taklid.

menentang taklid⁹² secara membuta-tuli di samping menafikan berlakunya ijmak secara hakiki selepas zaman sahabat yang dipandang sebagai salah satu sumber hukum Islam yang merupakan kesepakatan para mujtahid dalam sesuatu perkara yang diusulkan. Begitu juga, beliau hanya mengemukakan sumber al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber Islam yang rasmi dan mesti dipatuhi. Semua perkara yang dianggap tidak sesuai atau bercanggah dengan sumber al-Quran dan al-sunnah akan dianggap sesuatu yang bidaah.

Seterusnya pertengahan abad ke-18 telah muncul gerakan pemurnian Islam yang pertama di Timur Tengah (Asia Barat), iaitu gerakan Wahhabi yang dipelopori oleh Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab⁹³ berpusat di Semenanjung Tanah Arab. Beliau berjuang membersihkan negerinya dari segala perbuatan bidaah dan khurafat yang banyak mempengaruhi kaum muslimin di sekitarnya. Langkah awal yang dilakukan oleh beliau ialah dengan membasmi segala perbuatan bidaah yang dianggap tidak pernah dilakukan ketika zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Gerakan ini dikatakan agak agresif yang mana ianya mampu menjadi pendorong kepada berbagai-bagai gerakan di India yang menentang pemerintahan Kesultanan Mughal yang kolot, pemerintahan Sikh dan Inggeris yang dipimpin oleh Syariatullah dan beberapa tokoh lainnya. Gerakan ini diterima baik di India, Cirenaica, Libya; sebelah Timur Sudan dan Sumatera Barat (Minangkabau).

Namun berbeza bagi Alam Melayu, gerakan Wahabi yang agak radikal dalam membendung amalan masyarakatnya tidak mampu memberi impak yang besar dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Aktiviti berdoa dan menyembah kubur para wali tidak terjadi di kalangan umat Islam di Malaysia. Jika adapun mungkin ia bersifat

⁹² Taklid bermaksud menerima perkataan orang lain tanpa hujah, menerima perkataan atau pandangan seseorang tanpa mengetahui dari mana diambil perkataan tersebut (mengambil pendapat dari orang lain).

⁹³ Syeikh Muhammad bin Abdul Wahab (1115 – 1206 H/ 1703 – 1787 M) ialah seorang pelopor gerakan pembaharuan dan pembaikan dalam konteks masyarakatnya yang sebatian dengan amalan khurafat dan bidaah yang merosakkan keimanan umat Islam.

agak terpencil dalam kemodenan arus perdana. Keadaan ini dibuktikan lagi dengan adanya perhatian serius yang dimainkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Kefahaman Islam Malaysia (JAKIM) dalam menyekat perkembangan gerakan ini terus menular di kalangan orang awam di Malaysia.

Berikutnya sekitar lewat abad ke-19, muncul pula gerakan islah yang mempunyai cita-cita untuk membersihkan Islam daripada pencemaran khurafat, tahyul dan bidaah serta taqlid di Mesir sama seperti yang diperjuangkan oleh gerakan Wahhabi, selain untuk memajukan umat Islam selari dengan perubahan yang melanda umat dunia ketika itu. Gerakan ini dipelopori oleh Sayyid Syeikh Muhammad Abduh beserta Sayyid Rashid Rida.⁹⁴ Beliau merupakan tokoh yang mula-mula memberi idea pembaharuan Islam berdasarkan kemodenan Barat tanpa mengeneipkan Islam.⁹⁵

Namun begitu, idea pembaharuan dan pembaikan yang dibawa oleh Muhammad Abduh ini sebenarnya telah menumbuhkan tiga golongan umat Islam berdasarkan kepada metode perjuangan dan aliran pemikiran yang menjadi prinsip utama gerakan, iaitu golongan modenis yang mengeneipkan sama sekali Islam untuk mencapai kemodenan, golongan reformis yang tetap berpegang kepada ajaran Islam tetapi menerima kemodenan Barat yang sesuai dengan Islam dan golongan tradisional yang lebih bersifat ortodoks.

Perkembangan yang berlaku di Semenanjung Tanah Arab dan kemudiannya Mesir itu akhirnya mencetuskan pula pembaharuan (reformasi) di tempat-tempat lain dalam dunia Islam⁹⁶ termasuklah Malaysia. Kedatangan dan penyebaran pemikiran pembaharuan Muhammad Abduh di Nusantara sejak abad ke-20 lagi telah

⁹⁴ Prof Madya Dr. Fadhlullah Jamil (1997), *Islam Zaman Moden: Cabaran Dan Konflik*, Thinker's Library, h. 117.

⁹⁵ Kamarul Azmi Jasmi (2007), *Pembaharuan Dalam Dunia Islam*, Universiti Teknologi Malaysia, h. 98.

⁹⁶ Prof Madya Dr. Fadhlullah Jamil (1997), *op.cit.*, h. 117.

meninggalkan pengaruh yang begitu besar dalam kehidupan masyarakat Islam di Alam Melayu. Perkembangan ini dinamakan sebagai gerakan Kaum Muda yang mana pada peringkat awal dianggap sebagai memporakperandakan rumahtangga kepada corak pemikiran dan pendidikan Islam tradisional yang telah berakar umbi di Alam Melayu sejak kedatangan Islam ke Nusantara.

4. Faktor Pengaruh Gerakan Islah

4.1 Pengaruh Dari Timur Tengah

Kesedaran Islam di kalangan masyarakat Melayu bermula sejak Islam tersebar di Tanah Melayu lagi. Menurut catatan sejarah, sekembalinya pelajar-pelajar lulusan al-Azhar ke tanah air, mereka ini bukan sahaja giat dalam menyebarkan agama Islam malah turut sama dalam menyumbang kepada kebangkitan gerakan islah di Malaysia. Hasil dari pengaruh bahang kebangkitan islah di sana melalui akhbar dan majalah seperti *Urwātul Uthqā* ia telah memberi peluang kepada golongan ini untuk menghidupkan suasana yang sama seperti yang dirasai ketika menuntut di Timur Tengah. Sekitar tahun 70-an, kemaraan lulusan al-Azhar ini menjadi semakin penting sebagai pemangkin kepada peningkatan kesedaran Islam di Malaysia.⁹⁷

Seperti kata-kata Abd. Wahid Jais (2006), bahawa golongan ini telah memainkan peranan yang penting ke arah mewujudkan semangat kemodenan dan perintis awal kemunculan golongan sekular yang dikenali sebagai Kaum Muda.

”Lulusan al-Azhar dikatakan telah memainkan peranan yang paling awal ke arah mewujudkan semangat kemodenan ala Islam dan mencetuskan semangat kebangsaan menentang kuasa penjajahan British di Tanah Melayu...dan melahirkan sebarisan orang Melayu Islam yang dikenali sebagai Kaum Muda dengan idea pembaharuan

⁹⁷ Jaffary Awang (2006), “Sumbangan Lulusan al-Azhar Dalam Pembangunan Kesedaran Islam Di Malaysia” dalam Ahmad Sunawari Long & Zul’azmi Yaakob (ed.), *Budaya Dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 194.

menentang amalan dan pemikiran Islam yang didokong oleh ulama-ulama tradisional...’’⁹⁸

Menurut Jaffary Awang (2006), keterlibatan lulusan al-Azhar dalam mencetuskan sirna kebangkitan kesedaran Islam juga tidak boleh dipandang sepi. Golongan ini sering dihormati dan disegani ramai. Menyedari akan kewibawaan golongan ini, mereka sering kali dilantik sebagai imam dan dirujuk dalam hal-hal kematian, urusan perkahwinan dan hukum hakam. Di samping itu, mereka juga terlibat secara aktif dalam penubuhan pondok dan madrasah sebagai pusat pengajian. Dengan penubuhan institusi-institusi pondok dan madrasah ini dilihat sebagai perintis ke arah penyebaran ilmu pengetahuan dalam menghadapi globalisasi dan sekularisme yang semakin menular. Selain itu, mereka turut melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan pembentukan polisi negara dengan mengadakan seminar-seminar bagi membincangkan hal ehwal kenegaraan.

Secara umumnya penglibatan lulusan al-Azhar ini dilihat sebagai suatu bentuk sumbangan pemikiran dalam usaha membina dan membangunkan minda masyarakat Melayu Islam. Sememangnya diakui bahawa lulusan ini banyak memainkan peranan di dalam sejarah perkembangan islah di Malaysia. Tambahan pula, Timur Tengah yang dilihat sentiasa mengalami proses revolusi sedikit sebanyak telah memberi pengaruh yang besar terhadap perkembangan islah di Tanah Melayu. Namun sungguhpun begitu, walaupun Timur Tengah dikenali sebagai pencetus reformasi, ini tidak bermakna negara-negara Islam yang lain tidak memainkan peranannya. India turut sama memberi pewarnaan di dalam sejarah kebangkitan Islam di Malaysia.

⁹⁸ Abd. Wahid Jais (2006), “Interaksi Malaysia-Mesir Dari Perspektif Tamadun” dalam Ahmad Sunawari Long & Zul’azmi Yaakob (ed.), *Budaya Dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 49.

4.2 Pengaruh Dari India

Perkembangan yang pesat terhadap institusi-institusi pendidikan di India telah menarik minat pelajar-pelajar di Nusantara. Dengan sistem pembelajaran yang agak moden dan sistem pengangkutan yang baik memudahkan untuk pelajar-pelajar Malaysia untuk menyambung pelajaran mereka ke India. Tambahan pula ketika itu, masyarakat Kelantan dan sekitarnya mengalami kejumudan dan taklid buta terhadap proses pentafisran al-Quran dan hadis. Di mana pengajaran yang dilaksanakan oleh ulama-ulama konservatif menganjurkan agar para pelajar mengamalkan sikap taklid terhadap kandungan kitab-kitab ulama terdahulu. Pengajaran sedemikian mengakibatkan daya fikir para pelajar menjadi pasif dan suasana pembelajaran seperti itu tidak sesuai lagi dengan perkembangan semasa dan tempat yang dialami oleh seseorang ulama itu. Ini kerana kandungan kitab-kitab tersebut yang dikarang oleh ulama terdahulu mempunyai pandangan dan suasana tempat yang berbeza dengan keadaan masa kini.⁹⁹

Keadaan ini mendorong beberapa orang ulama untuk menimba ilmu ke India. Di mana apabila kita soroti sistem pengajian Islam di jajahan Kota Bharu sekitar tahun 1900 - 1940 menunjukkan bahawa proses pembelajaran itu mempunyai tiga peringkat yang perlu disempurnakan oleh setiap pelajar. Peringkat pertama mengenal *basic* mengenai nahu dan saraf, peringkat kedua mempelajari kitab-kitab Arab dan peringkat ketiga merupakan peringkat penyempurnaan dalam proses pembelajaran bagi seseorang yang bergelar ulama.

”...pelajar-pelajar yang dianggap alim selepas melalui proses peringkat kedua tadi akan didorongkan supaya pergi ke Mekah al-Mukarramah, Mesir dan India demi memperdalamkan ilmu ugama di samping mendapat pengalaman-pengalaman luar”¹⁰⁰

⁹⁹ Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan (1983), “Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa dan Tariq Syah Waliullah al-Dehlawi” dalam *Islam Di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 57.

¹⁰⁰ Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan (1977), *Sejarah Perkembangan Kelantan*, Kota Bharu: Pakatan Keluarga Tuan Tabal, h. 106.

Oleh itu bagi menyempurnakan tuntutan itu, beberapa orang pelajar telah memondok di India. Seperti pendekatan yang digunapakai oleh Imam al-Dehlāwi dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan hadis, kaedah yang digunakan amat berbeza tidak seperti yang diamalkan oleh ulama-ulama Kelantan. Pelajar digalakkan untuk mentafsir sendiri al-Quran dan hadis di samping mengamalkan ijtihad mengikut jalan istinbat. Dengan cara demikian barulah kedua-dua sumber itu dapat dijadikan sumber pengajaran untuk menyelesaikan masalah kemasyarakatan di dalam semua aspek kehidupan masa kini.

Menyedari hakikat kejumudan terutamanya di dalam metod pentafsiran al-Quran dan pengajaran ilmu hadis, tampillah sebilangan kecil anggota masyarakat yang digelar Kaum Muda memulakan gerakan islahnya dalam penyeruan terhadap aktiviti islah melalui saluran media. Nama besar seperti Tok Khurasan¹⁰¹ bertanggungjawab dalam memperkenalkan beberapa ilmu baru di dalam konteks pengajian agama di bandar Kota Bharu. Dan apa yang menarik tentang kedatangan Tok Khurasan ini menurut Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan di dalam *Islam Di Kelantan*, kehadirannya dalam memperkenalkan ilmu-ilmu baru tidak mendapat tentangan dari ulama-ulama lain. Dengan sikap dan tabiat yang tidak suka melibatkan diri dalam isu-isu agama yang kontroversial telah menyelamatkannya dari terperangkap di dalam permasalahan setempat. Namun sungguhpun begitu, pengajaran Tok Khurasan ini kurang mendapat sambutan yang menggalakkan akibat dari sikap masyarakat umum yang belum menunjukkan minat yang mendalam mempelajari ilmu-ilmu tadi. Ini kerana ilmu hadis pada awal abad ke-20 menurut pandangan ulama dan masyarakat umum Kelantan, ia

¹⁰¹ Nama sebenar beliau Abu Abdullah Sayed Hassan bin Nor Hassan yang berhijrah ke Kota Bharu sekitar tahun 1917 selepas berlakunya Perang Dunia Pertama. Beliau berasal dari Afghanistan dan mendapat pendidikan di Darul Ulum Deoband India. Di Kota Bharu, beliau mula-mula tinggal di Jalan Tengku Putra, Semarak dengan menjual kain sebagai hasil pencarian. Kemudian berpindah ke kampung Sireh, Kota Bharu dan mendirikan sebuah surau di situ. Beliau ialah bekas murid kepada Mahmudul Hassan Syeikh al-Hindi (pengikut tarikat Tariq Syah Waliyullah al-Dehlawi). Beliau yang menuntut di Darul Ulum Deoband India banyak terpengaruh dengan kaedah pembelajaran yang diasaskan oleh Tariq Syah Waliyullah al-Dehlawi. Ilmu-ilmu seperti kitab-kitab tafsir al-Quran, ilmu hadis, falsafah, mantik, ilmu fiqah Hanafiyyah dan ilmu balaghah diperkenalkan dengan kaedah dan pendekatan yang tersendiri. Ini memperlihatkan suatu perubahan yang membina kepada masyarakat Islam berbeza dengan keadaan sebelum kedatangan Tok Khurasan, pengajaran hadis hanya berkisar di sekitar ilmu fiqah Syafii'yyah, tasawuf, usuluddin dan cabang-cabang ilmu linguistik Arab. Lihat lanjut Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan (1983), "Lima Orang Tokoh Ulama Di Negeri Kelantan" dalam *Islam Di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 35, dan Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan (1977), *op.cit.*, h. 67.

suatu ilmu yang tidak boleh diajarkan oleh manusia di zaman ini. Oleh itu, mereka sedaya upaya cuba mengelakkan diri dari mempelajari ilmu tersebut.¹⁰²

Walaupun ada yang menyatakan Tok Khurasan 'gagal' menguasai sepenuhnya pemikiran masyarakat Kelantan dalam mentafsir al-Quran, namun pendekatan ini diambil alih oleh Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa.¹⁰³ Beliau yang sejak kecil lagi terdedah dengan pengajaran ilmu tafsir Tok Khurasan begitu berminat untuk mendalami ilmu tersebut. Keberangkatannya ke Mekah dan berguru dengan beberapa orang guru seperti Maulāna Ubaidullāh al-Shindhī (1870 – 1945)¹⁰⁴ yang juga berasal dari India banyak membantu memahami metod-metod pengajian tafsir yang diasaskan oleh Tāriq Syah Waliyullāh al-Dehlāwi. Huraian yang diberikan oleh gurunya dengan hujah-hujah dan perbahasan yang mendalam telah menarik perhatian Haji Nik Abdullah.

Sekembalinya dari Mekah, pengajaran tafsir beliau disambut baik oleh penduduk setempat dan golongan pemerintah. Perhatikan sambutan yang begitu hebat, Haji Nik Abdullah mula mengatur strategi untuk mengislahkan pemikiran masyarakat Kelantan. Dengan ilmu yang mendalam, seramai 20 orang pelajar mahir berbahasa Arab telah dipilih untuk mengikuti pelajarannya. Di akhir sesi pembelajarannya akan diadakan sesi soal-jawab, perbahasan dan perbincangan bagi menguji kefahaman para pelajar.

¹⁰² Sambutan yang kurang juga berpunca dari kesukaran memahami bentuk pengajaran yang disampaikan. Beliau yang tidak fasih berbahasa Melayu terpaksa mencampuradukkan Bahasa Melayu dan Bahasa Arab di dalam pengajiannya. Penadah-penadah tempatan yang umumnya lemah di dalam penguasaan Bahasa Arab mengalami kesukaran untuk memahami pengajaran Tok Khurasan. Tambahan pula, pengamalan pengajaran fiqah Hanafiyyah juga dilihat agak bertentangan dengan pegangan masyarakat Kelantan yang sedia maklum mengamalkan fiqah Syafii'yyah menyebabkan masyarakat umum menjauhkan diri. Sungguhpun jumlah kehadiran jemaah Tok Khurasan amat kecil namun begitu, oleh kerana keilmuan dan keikhlasannya dalam menyampaikan ilmu menyebabkan beliau dihormati oleh beberapa orang ulama yang terkemuka di Kelantan seperti Tok Kenali, Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad dan Haji Ismail (Tok Kemuning). Kesan dari proses pengajarannya ini, ia telah memberikan kesan dan pengaruh yang besar terhadap beberapa orang anak tempatan negeri Kelantan yang meminati dan berkebolehan dalam mengajar di dalam ilmu hadis, falsafah dan mantik. Mereka yang dimaksudkan ialah Haji Yaakob bin Haji Ahmad (1893 – 1956), Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa (1900 – 1935), Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail (1905 – 1968) dan Haji Asaad bin Haji Daud. Lihat lanjut Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (1983), *op.cit.*, h. 37.

¹⁰³ Dan dikatakan juga, beliau merupakan tokoh ulama yang pertama menimbulkan konsep bertalfiq di dalam hal jilatan anjing di Kota Bharu yang mana suatu ketika dahulu hangat diperdebatkan antara Kaum Tua dan Kaum Muda. Lihat lanjut Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan (1977), *op.cit.*, h. 79.

¹⁰⁴ Beliau dilahirkan pada 10 Mac 1870. Berasal dari keluarga syekh dan memeluk Islam ketika berusia 16 tahun. Beliau mendapat pendidikan di Darul Ulum Deoband dan mula terpengaruh dengan pengajaran gurunya, Muhammad Hassan dan mendalami ilmu falsafah Syah Waliyullah al-Dehlawi. Sepanjang hidupnya beliau menumpukan kepada pengajian ugama dan berjuang untuk menegakkan negara Islam di India pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 sehingga akhirnya beliau telah dibuang negeri oleh British akibat dari tentangan yang dilakukannya.

Keseluruhan proses pembelajaran yang dilaksanakan telah menarik minat para pelajar mendalami ilmu pentafisiran yang dianggap begitu sukar untuk dikuasai. Dengan ini, para pelajar akan lebih tertarik dan dapat mengenali ilmu tafsir dengan lebih mudah.¹⁰⁵

Oleh itu, walaupun hanya lebih kurang lapan bulan sahaja sekembalinya dari Mekah, namun sumbangannya tidak dapat dinafikan. Ilmu agama yang dibawa masuk sedikit sebanyak berjaya merubah gaya fikir beragama daripada secara tradisional kepada secara yang lebih akliah, ilmiah dan sesuai dengan perkembangan semasa.¹⁰⁶

5. Pengaruh Gerakan Islah Di Tanah Melayu

Dalam konteks negara Malaysia, sejarah gerakan islah telah dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu dari Timur Tengah di sekitar tahun 1904. Di mana gerakan ini dipelopori oleh Jamaluddin al-Afghāni (1839 – 1897 M)¹⁰⁷ dan al-Syeikh Muhammad Abduh (1849 – 1905 M) di Mesir. Pengaruh pembaharuan ini disebarkan di Malaysia oleh Syeikh Tahir Jalaluddin (1861 – 1957 M), Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalāli, Sayid Syed bin Ahmad al-Hadi (1867 – 1934 M) dan Haji Abbas bin Muhammad Taha dengan menerbitkan majalah *al-Imām* di Singapura pada tahun 1906.¹⁰⁸

Akibat dari perhubungan yang terjalin di antara Tanah Arab (Mekah) dan Kaherah, Mesir dengan penduduk Nusantara melalui aktiviti perdagangan dan penyebaran Islam, hubungan politik, ibadah haji dan pendidikan telah menimbulkan kesedaran kepada sekumpulan umat Islam bahawa amalan Islam yang terdapat di tempat mereka adalah tidak murni. Dengan keyakinan ini mereka berusaha untuk

¹⁰⁵ *Ibid.*, h. 45.

¹⁰⁶ *Ibid.*, h. 81.

¹⁰⁷ Syed Jamaluddin al-Afghani dilahirkan di Kabul, Afghanistan. Beliau ialah ulama yang berfahaman luas dan banyak berjasa dalam mempertahankan Islam secara moden terhadap serangan unsur-unsur jahat Barat. Beliau merupakan salah seorang penganut gerakan Pan-Islamisme yang bertujuan menyatukan pemerintahan Islam dan membangunkannya untuk melawan pengaruh dunia Barat.

¹⁰⁸ Mohd Noor bin Deris (1995), *op.cit.*, h. 2.

memperbaiki amalan Islami, misalnya membersihkan Islam yang diamalkan oleh masyarakat setempat daripada unsur-unsur khurafat, tahyul, bidaah dan sebagainya.¹⁰⁹

Pada abad ke-18 dan 19, Malaysia juga mengalami proses yang sama, kelesuan dan kejumudan. Keadaan ini berterusan pada dekad 40-an dan 50-an apabila negara berada di ambang kemerdekaan. Walaupun wujud sebuah parti politik yang mengaku bahawa perjuangan mereka berasaskan Islam namun kelesuannya menjadi semakin ketara pada dekad 60-an.¹¹⁰ Sehingga di akhir dekad 60-an, barulah gerakan Islam dilihat seolah-olah bangkit semula. Sepertimana yang dikatakan oleh Siddiq Fadzil (2010), di hujung tahun 60-an dan awal 70-an menandakan bermulanya pembentukan suatu era terpenting dalam sejarah perkembangan Islam abad ke-20 di Malaysia. Adanya usaha-usaha untuk mengembalikan kehidupan berlandaskan Islam sebenar. Mereka cuba untuk menemukan jati diri keislaman dan telah menumbuhkan idealisme perjuangan bagi mencapai cita-cita Islamiah.¹¹¹

Rahimin Affandi (1995) menyatakan bahawa tahun-tahun 1970-an dan 1980-an yang diwakili oleh pemuda Melayu, khususnya yang mendapat pendidikan bukan agama dari dalam dan luar negeri di samping pemuda lulusan Arab dan agama,¹¹² dunia Islam telah kembali ke era kebangkitannya semula. Bibit kebangkitan itu mulai menguntum kembali. Masing-masing mula bangkit untuk menyedarkan masyarakat Melayu agar bangun memperbaiki diri dan menerima Islam dalam bentuk yang

¹⁰⁹ Prof Madya Dr. Fadhlullah Jamil (1997), *op.cit.*, h. 117.

¹¹⁰ Azmah Abdul Manaf (2005), *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Utusan Publicatins & Distributors Sdn. Bhd, h. 104.

¹¹¹ Siddiq Fadzil (2010), "Melayu Dan Persoalan Jati Diri: Memaknai Fenomena Keislaman Dalam Sejarah Bangsa", *Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Melayu (PAIMM)*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial pada 5 & 6 Oktober 2010, h. 6.

¹¹² Rahimin Affandi Abd. Rahim (1995), *Gerakan Tajdid Di Malaysia: Teori Dan Realiti*, (Seminar Pengajian Syariah '95, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya pada 13 – 14 Jun 1995), h. 2.

menyeluruh, tidak lagi terkongkong dengan cara hidup lama yang sukar menerima sebarang bentuk perubahan.¹¹³

Sejajar dengan kelantangan suara dalam menentang kemungkar, perjuangan yang dimainkan oleh pemuda Melayu hampir menyerupai perjuangan Kaum Muda dengan menumpukan perhatian kepada aspek akidah umat Islam yang telah hanyut dibawa arus kemodenan dan usaha-usaha pembaratan yang dibawa oleh pelbagai budaya dan adat pemikiran gaya Barat. Kebangkitan seperti ini juga sebenarnya dapat dilihat dengan jelas melalui perubahan dan impak yang berlaku dalam corak kehidupan masyarakat Melayu sehari-hari. Mereka menjadi semakin peka terhadap amalan-amalan yang harus atau wajar diamalkan atau ditinggalkan selaras tuntutan Islam sebenar.

Perubahan sistem pemerintahan kerajaan Malaysia yang dulunya agak pasif terhadap Islam, kini dengan cetusan semangat dan bahang gerakan kebangkitan Islam dalam tahun 1970-an dan 1980-an mula mengubah dasar kepada pro-Islam.¹¹⁴ Atas desakan arus kebangkitan Islam ini juga, parti pembangkang telah menimbulkan isu-isu dan permintaan baru dalam mempersoalkan penubuhan sebuah negara Islam dengan pengamalan sistem hidup syariah yang sepenuhnya.¹¹⁵

6. Perkembangan Gerakan Islah Di Malaysia.

Perkembangan Gerakan Islah di Tanah Melayu pada awal abad ke-20, Mohd Rodzi Othman & O.K. Rahmat (1996) membahagikan kepada dua tahap utama. Tahap pertama bermula di tahun 1906 hingga 1930-an dan tahap kedua merangkumi 1940 hingga 1948-an. Dan sehingga kini perkembangan gerakan islah ini semakin

¹¹³ Prof Madya Dr. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad (2010), "Pengaruh Gerakan Timur Tengah (Hijaz Dan Mesir) Kepada Gerakan Islah Di Tanah Melayu Sehingga 1957", (*Simposium Peranan Penulisan Dan Kewartawanan Dalam Pemikiran Islah Di Kalangan Orang Melayu (1900-1940)*), (SIPKOM), di Tronoh Perak anjuran Universiti Teknologi Petronas pada 29 Jun 2010, h. 7.

¹¹⁴ Rahimin Affandi Abd. Rahim (1995), *op.cit.*, h. 1.

¹¹⁵ *Ibid.*, h. 4 & 5.

berkembang melalui pelbagai kaedah dengan cabang fahaman yang lebih meluas. Dan seperti yang pengkaji nyatakan sebelum ini, pengkaji akan menambah satu tahap iaitu selepas Malaysia mencapai kemerdekaan (1957 – 1970-an). Walaupun Mohd Jamil Mukmin tidak menyatakan tahun selepas merdeka ini sebagai suatu tahap yang baru, namun pengkaji berani menyatakan bahawa tahap ini juga dianggap amat penting dan menyumbang kepada sejarah pergerakan itu sendiri. Dan melalui tahap inilah pengkaji akan mengetahui fenomena kehidupan masyarakatnya dan kesinambungan dengan kemunculan *Majalah al-Islah*.

6.1 Tahap Pertama (1906 – 1930-an)

Tahap pertama gerakan ini bermula sekitar tahun 1906 sehinggalah penghujung tahun 1930-an. Pada tahap ini, perkembangan dan perjuangannya lebih bersifat menyedar, membangun dan mengukuhkan konsepsi agama umat Islam berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. Tugas ini juga dilakukan oleh golongan ulama islah di samping pihak yang mempunyai kesedaran islah. Dalam hal ini, tugas utama lebih tertumpu kepada usaha memberikan pendedahan tentang ajaran Islam yang sebenar. Secara analoginya, tahap ini bolehlah diibaratkan seperti pembinaan tiang rumah yang perlu dibina terlebih dahulu sebelum dinding dan atapnya di pasang. Dari satu segi, terdapat persamaan antara tahap ini dengan tahap pertama kegiatan dakwah Nabi Muhammad s.a.w di Mekah.

Gerakan kebangkitan umat Islam dalam abad ini bermula dengan kemunculan tokoh-tokoh islah Islam lulusan Mekah dan Mesir yang sebahagian besarnya mempunyai murid atau mereka yang menerima pengaruh langsung daripada Syeikh Ahmad al-Faṭḥāni.¹¹⁶ Kesan-kesan pengaruh dan pemikiran Syeikh Ahmad al-Faṭḥāni

¹¹⁶ Riduan Mohamad Nor & Mohd Fadli Ghani (2007), *Ulama Dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*, MHI Publication, h. 132.

ini sedikit sebanyak membentuk satu kesedaran baru yang amat menyeluruh di kalangan anak-anak Melayu Islam.

Gerakan islah dimulakan di Negeri-negeri Selat. Dan tokoh yang mempeloporinya ialah Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, seorang ulama Minangkabau yang pernah mendapat pendidikan di Mekah dan kemudiannya di al-Azhar, Mesir. Bersama-sama beliau ialah Syed Syeikh al-Hadi, Haji Abbas Mohammad Taha dan Mohammad Salim al-Kalāli dalam menerbitkan sebuah majalah terawal pada ketika itu yang dikenali dengan nama *al-Imām*. Nama *al-Imām* ini diambil adalah sempena nama Syeikh Muhammad Abduh, seorang tokoh reformis besar di Mesir pada masa itu.¹¹⁷

Kehadiran majalah *al-Imām* ini telah membawa suatu perubahan yang amat besar dan bermakna di dalam arena kehidupan masyarakat Melayu. Selaras dengan tema dan matlamat utama dalam ”*mengingatkan mana yang lalai dan manjagakan mana yang tidur dan menunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan,*”¹¹⁸ ia telah membawa pengaruh yang drastik baik di Tanah Melayu mahupun di Indonesia. Pelbagai isu dan permasalahan telah diungkit oleh *al-Imām* bagi mengasah minda dan merangka pemikiran masyarakat Melayu yang dilingkari dengan isu-isu melibatkan masyarakat Melayu yang terkenal sebagai masyarakat mundur dan malas.

Menurut Talib Samad di dalam *Bacaria* (25 November 1984), beliau menyatakan menjadi tanggungjawab para penulis untuk menghasilkan tulisan-tulisan yang boleh memandu manusia ke arah jalan kebenaran yang diredhai oleh Penciptanya,

¹¹⁷ Abdul Rahman Haji Abdulah (1989), *Sejarah Dan Pemikiran*, Pena Sdn. Bhd., h. 5.

¹¹⁸ *Al-Imam*, Singapura, jil. 1, no. 1. 23 Julai 1906, h. 8.

ketinggian akhlak, semangat perjuangan membina umat supaya dipandang bertamadun, semangat kuat bekerja, ketinggian pemikiran dan penghargaan sewajarnya terhadap hidup yang singkat ini di kalangan pembaca-pembaca tulisannya:

*”Penulisan merupakan satu cara yang paling berkesan untuk menyampaikan idea, pemikiran, kritikan, maklumat dan pendapat terhadap sesuatu perkara yang menyentuh degup jantung dan urat nadi masyarakat, agama, bangsa dan negara. Penulisan lebih merupakan suatu bentuk perjuangan, peperangan, pertarungan fikiran dan jihad untuk menegakkan kebenaran dan menghancurkan kepalsuan dan ketidakadilan yang bertapak di muka bumi. Penulisan adalah salah satu cara yang menyeluruh dan dimanfaatkan untuk memerangi kemungkaran, keburukan dan kedurjanaan yang dilakukan oleh manusia dalam masyarakat”.*¹¹⁹

Dalam kerancangan membina generasi baru yang begitu aktif menentang penjajah, para ulama tidak meminggirkan usaha untuk merangsang minda generasi yang lebih dewasa melalui akhbar-akhbar dan majalah.¹²⁰ Majalah dan akhbar-akhbar ini disambut oleh orang Melayu yang mula menyedari kelemahan yang sedang mereka hadapi dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam dalam erti kata yang sebenarnya. Melalui kesedaran yang ditanam dan dalam usaha menyebarkan kesedaran ini pendukung islah telah mengambil inisiatif menerbitkan akhbar yang berunsur islah dan menubuhkan madrasah. Kemudian gerakan islah di Tanah Melayu ini diteruskan lagi dengan terbitnya beberapa majalah lain seperti *al-Ikhwān*, *Saudara*, *Neracha*, *Seruan Azhar*, *Pilihan Timor* dan dijadikan sebagai penyambung kepada penerbitan *al-Imām*.¹²¹

Di samping penerbitan akhbar dan majalah, islah juga tersebar melalui penubuhan madrasah. Buat julung kalinya pada tahun 1917, Madrasah al-Hadi di Bandar Melaka telah ditubuhkan dengan sistem pelajaran yang lebih moden. Namun

¹¹⁹ Talib Samat (2004), *Berjihad Menerusi Tulisan*, Karisma Publications Sdn. Bhd., h. 45.

¹²⁰ Riduan Mohamad Nor & Mohd Fadli Ghani (2007), *op.cit.*, h. 132.

¹²¹ Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah (2009), “Idea-Idea Reformis Era 70-an: Bacaan Awal Terhadap Majalah al-Islah”, Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ermy Azziaty Rozali *et.al.*, (ed.), (*Prosiding Pengajian Arab dan Tamadun Islam pada 29-30 Disember 2009*), h. 183.

madrasah ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan kerana kurangnya rasa keyakinan masyarakat Melayu ketika itu yang masih berpegang kepada pendidikan tradisional. Walaupun kurangnya sambutan dari kalangan masyarakat, namun keadaan ini bukanlah tidak memperlihatkan persembahan islah di Melaka. Sebenarnya di Melaka juga munculnya beberapa tokoh seperti Haji Ahmad Amin (Haji Ahmad Janggut),¹²² Haji Sharif Sukkar,¹²³ Haji Ahmad Jamil, Haji Abu Bakar, Haji Abdullah Awal dan Haji Talib Karim. Kegiatan mereka banyak tertumpu di Kampung Terentang, Jasin; Banda Kaba, Melaka Tengah; dan Kampung Baru, Alor Gajah. Kemuncak daripada kegiatan mereka adalah dengan tertubuhnya Ansar al-Sunnah di Bandar Melaka akan tetapi pendaftarannya telah dinafikan oleh pihak British kerana dianggap agak radikal.

Akibat kegagalannya dalam meraih perhatian masyarakat dalam penubuhan madrasah tersebut, akhirnya beliau berangkat ke utara tanah air lalu menubuhkan sebuah madrasah yang dikenali Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah, Pulau Pinang pada tahun 1919. Di samping itu, beliau turut sama dalam menyumbang tenaga di madrasah ini ialah Syeikh Tahir Jalalluddin, Abu Bakar Rafe' dan Abdullah Maghribi. Di Pulau Pinang ini, Syed Syeikh al-Hadi terus bergiat aktif. Beliau telah mengasaskan *al-Ikhwān* pada tahun 1926 yang banyak dibantu oleh anaknya sendiri Syed Alwi, Abdul Rahim Kajai dan Abdul Wahab Abdullah.

¹²² Beliau dilahirkan pada 1 Januari 1905 – 12 Ogos 1971. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jasin hingga darjah tiga. Ketika menuntut di Mekah, beliau begitu tertarik dengan ajaran Wahabi, yang mana pada ketika itu kebanyakan kaum Muslimin Malaysia menganggapnya sebagai ajaran sesat. Pada tahun 1939, sekembalinya dari Mekah beliau mulai menyebarkan fahaman al-Sunnah yang diterima baik oleh golongan Kaum Muda yang telah sekian lama memulakan agendanya di Tanah Melayu. Beliau telah berjaya menyebarkan fahaman ini di sekitar Terentang, Jasin, Kampung Baru, Banda Kaba dan Kuala Pilah dengan menjadikan Madrasah Ansarus Sunnah sebagai markas pertemuan.

¹²³ Beliau dilahirkan di Banda Kaba, Melaka yang berasal dari Pacitan, Jawa sekitar tahun 1920-an. Antara isu yang pernah diketengahkan oleh beliau ialah masalah maulid Nabi dan masalah kenduri-kendara perkahwinan yang mendapat reaksi yang negatif dari pihak golongan Syafiiyah.

Di utara Pulau Pinang ini juga, pendukung Sunnah lebih dikenali dengan nama Muhammadiyah dan Ansārus-Sunnah.¹²⁴ Atas nama Muhammadiyah,¹²⁵ pertubuhan ini berjuang untuk melaksanakan pembaharuan dan pemurnian Islam dan hanya menerima hukum sumber daripada sumber al-Quran, al-Sunnah dan ijmak semata-mata sama ada dari para sahabat atau para ulama. Nama-nama seperti Ibrahim Aqibi,¹²⁶ Ustaz Abu Bakar Hamzah,¹²⁷ Ustaz Zainal Abidin Zamzam,¹²⁸ Muhammad Desa Yusuf¹²⁹ bergerak aktif dengan aliran Sunnah.

Pengaruh gerakan islah kemudiannya berkembang ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Ini terbukti dengan kemunculan beberapa buah madrasah yang menyerupai aliran Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang. Di Perak ini, munculnya madrasah terawal di Kuala Kangsar (1922) yang dikenali sebagai Madrasah Idrisiah yang diasaskan oleh Sultan Iskandar Perak dan Syeikh Abdullah Maghribi yang juga sebelum ini terlibat dalam penubuhan Madrasah al-Masyhur di samping Syed Syeikh al-Hadi. Selain itu, pada tahun 1932 tertubuh pula Madrasah al-Diniah di Kampung Lalang, Padang Rengas yang dibuka oleh Syeikh Junid Tola,¹³⁰ Madrasah al-Ihya as-Syariff, Gunung Semanggol diasaskan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir¹³¹ pada tahun 1934,

¹²⁴ Antara permasalahan baru yang tumbuh di Pulau Pinang ialah mengenai permasalahan hisab dalam menentukan awal Ramadan dan awal Syawal, pembayaran zakat dalam bentuk wang tunai, bilangan rakaat solat sunat tarawih, dan permasalahan bersolat menggunakan seluar dan bukannya kain sarung atau memakai songkok selepas mengerjakan haji tanpa serban dan sebagainya yang menjadi perkara 'pantang' bagi golongan Kaum Tua pada ketika itu.

¹²⁵ Terdapat pendapat yang menyatakan gerakan Muhammadiyah ini mirip kepada pergerakan Muhammadiyah di Indonesia.

¹²⁶ Ibrahim Aqibi telah menubuhkan sebuah persatuan yang menjulang pembaharuan dengan nama Muhammadiyah, yang berpusat di Masjid Kampung Baru, Air Hitam.

¹²⁷ Ustaz Abu Bakar Hamzah pernah bergiat aktif dalam Muhammadiyah di Masjid Kampung Bharu, Air Itam. Beliau juga yang telah membuka Akademi Islam yang hanya mampu bertahan selama tiga tahun akibat masalah kewangan yang serius.

¹²⁸ Ustaz Zainal Abidin Zamzam merupakan pelajar lepasan Akademi Islam berasal dari Bagan Serai, Perak. Beliau dikatakan pernah bergiat aktif di sekitar Masjid Tuan Guru, Tanjung Tokong; ke Batu Faringghi dan apabila gerakannya tidak mendapat sambutan, beliau berhijrah pula ke Paya Terubung.

¹²⁹ Berbeza dengan Muhammad Desa Yusuf, beliau lebih memihak kepada aliran Ansurah-Sunnah. Beliau menyatakan bahawa pihak mereka tidak dapat bergiat di dalam Muhammadiyah yang asal kerana pertubuhan itu tidak mempunyai kegiatan lagi. Keadaan ini menyebabkan mereka mula menyisihkan diri dari pergerakan Muhammadiyah. Jika Muhammadiyah membuka Akademi Islam, Ansarus-Sunnah juga telah membuka Madrasah Ansarus-Sunnah di Paya Kongsy yang dikhaskan bagi golongan dewasa.

¹³⁰ Syeikh Junid Tola dilahirkan pada tahun 1897 di Tartola, sebuah kampung kecil termasuk daerah Maga, Kota Nopan, Kabupaten Tapanuli Selatan di wilayah Sumatera Utara, Indonesia yang telah sekian lama berhijrah ke Tanah Melayu untuk memondok di beberapa pondok terkenal di sekitar Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Pembaharuan islah yang dibawa oleh beliau sedikit berbeza dengan islah yang dibawa tokoh-tokoh di Perlis, di mana beliau lebih tertumpu kepada aspek pembangunan mental dan sikap. Beliau menekankan bagaimana semestinya seorang muslim itu berfikir, berjuang dan berekonomi. Beliau tidak memilih jalan konfrontasi, meskipun beliau juga menentang bidaah dan khurafat. Beliau lebih mengutamakan hikmah dan mau'izah yang baik agar tidak menimbulkan ketegangan sosial. Lihat lanjut Mohd Radzi Othman & O.K. Rahmat (1996), *op.cit.*, h.192.

¹³¹ Syeikh Abu Bakar al-Baqir dilahirkan pada 1907 di Kampung Gunung Semanggol, Bagan Serai, Perak. Moyangnya berketurunan Jawa yang berasal dari Kendal, Jawa Tengah. Dari segi pembaharuan Islam beliau menunjukkan acuan yang mirip dengan Syeikh Junid Tola. Beliau bergiat aktif dalam membangunkan pendidikan, politik, ekonomi dan kerja kebajikan. Tentang

Madrasah al-Ulul as-Syar'iyah, Bagan Datoh diasaskan oleh Tuan Guru Mohd Arshad Salleh (1937) dan diikuti beberapa buah cawangannya di beberapa buah kampung di sekitar Perak.

Di Selangor pula, pengaruh islah ini turut menyerap di Madrasah al-Ubudiyah, Kampung Jenderam. Madrasah ini diasaskan oleh Haji Jalaluddin bin Ismail yang berasal dari Minangkabau pada tahun 1922. Di antara murid-murid Haji Jaluddin itu ialah Bakar bin Jali yang mana kemudiannya telah melanjutkan pelajarannya ke Minangkabau di Sekolah Persatuan Muslimin Indonesia (PERMI) yang dipimpin oleh Mukhtar Lutfi yang juga seorang tokoh islah yang terkenal di Minangkabau.¹³² Di samping Haji Jalaluddin, terdapat juga pelopor-pelopor lain seperti Tuan Haji Yusuf dari Tanjung Karang. Golongan ini telah menimbulkan perkara khilafiah, umpamanya dalam permasalahan talkin, kenduri arwah dan masalah azan dua kali pada hari Jumaat. Selain itu, terdapat juga beberapa buah pergerakan antaranya Islam Jamaah dan Wahabi. Di mana dikatakan gerakan Islam Jamaah ini turut mengemukakan masalah khilafiah. Antara isu yang hangat ialah mereka mengatakan tulang babi boleh dimakan, dan tidak batal wuduk bersentuh dengan perempuan. Mereka juga menyatakan bahawa solat Jumaat boleh dilakukan di rumah sahaja yang menurut pengkaji agak bercanggah dengan amalan syariat Islam yang sebenar.

6.2 Tahap Kedua (1940 – 1948-an)

Memasuki tahap kedua, pergerakan islah mula diwarnai oleh penjajahan Jepun dan kemunculan parti-parti politik secara meluas serta kebangkitan semangat nasionalisme yang begitu 'meluap-luap', perkembangan selepas penjajahan Jepun jelas menunjukkan kematangan ahli-ahli islah dalam berorganisasi. Perkembangan madrasah-

fahaman bermazhab atau tidak bermazhab beliau tidak mengambil perhatian yang serius mengenai masalah ini. Sepertimana Syeikh Junid, meskipun beliau menganut fahaman pembaharuan dalam bidang akidah dan syariah, namun bagi menyebarkan islahnya ini beliau tidak berkonfrontasi dengan pihak Syafiiyah. Lihat lanjut Mohd Radzi Othman & O.K. Rahmat (1996), *op.cit.*, h. 197.

¹³² Abdul Rahman Haji Abdullah (1987), *Pemikiran Islam Masa Kini, Sejarah Dan Aliran*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 291.

madrasah yang begitu pesat antara tahun 1906 hingga tahun 1948 dengan ditandai kemunculan idea universiti Islam menunjukkan bahawa gerakan kemerdekaan minda melalui pemugaran ilmu telah dimainkan oleh para ulama dengan berkesan sekali. Tokoh-tokoh keluaran madrasah ini boleh dikatakan memonopoli gerakan kemerdekaan selepas perang.¹³³

Memasuki tahap kedua ini menjelang tahun 1940-an, gerakan islah terus berkembang pesat sehingga ke Negeri Sembilan¹³⁴ terutama di kawasan Kuala Pilah. Pengasas gerakan ini ialah Maulana Muhammad Maadah bin Layang (1895 – 1943 M) yang pernah melanjutkan pelajaran di Madrasah Mazharul Ulum, India. Setelah pulang ke tanah air, beliau kemudiannya menubuhkan Madrasah Aliyah Islamiyyah yang lebih dikenali dengan nama *Islamic High School* (HIS). Beliau juga dikatakan menubuhkan dua buah cawangannya, iaitu Madrasah Islamiyyah di Sungai Dua dan Madrasah Jemaah Islamiyyah di Kampung Tengkek.¹³⁵

Pada tahun 1953, pengajian Ittiba' al-Sunnah telah diadakan di Masjid Rantau Hantu dan seterusnya pada tahun berikutnya apabila permintaan semakin bertambah maka tertubuhlah Madrasah Ittiba' al-Sunnah di Jalan Seremban. Dan dua tahun kemudian, gerakan Ittiba' al-Sunnah ini telah meletakkan batu asas bangunan baru madrasah ini di Jalan Seremban. Antara tokoh yang berjuang sama di dalam gerakan ini ialah Haji Ahmad Amin dari Jasin, Melaka serta Ibrahim Aqibi dari Pulau Pinang dan Abu Bakar al-Asyaari dari Perlis.¹³⁶

¹³³ Riduan Mohamad Nor & Mohd Fadli Ghani (2007), *op.cit.*, h. 131.

¹³⁴ Mohd Radzi & O.K. Rahmat (1996), *op.cit.*, h. 162.

¹³⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah (1989), *Gerakan Islah Di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*, Penerbitan Pena: Kuala Lumpur, h. 7.

¹³⁶ Mohd Radzi & O.K. Rahmat (1996), *op.cit.*, h. 162.

Manakala bagi Negeri-Negeri Tidak Bersekutu pula, gerakan ini terus menunjukkan perkembangan yang positif walaupun terdapat beberapa orang sarjana yang menyatakan sekitar tahun 1930-an gerakan islah semakin malap dan hilang fungsinya. Menurut pengkaji sendiri, gerakan islah pada ketika ini hanya suatu langkah permulaan dalam mematangkan proses islah di Tanah Melayu. Hasilnya masih belum dapat dituai dengan lumayan.

Di Negeri-Negeri Tidak Bersekutu seperti Kelantan, perkembangannya bukan sahaja mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat malah turut mendominasi sistem pentadbiran agama. Ini dapat dikaitkan dengan kebangkitan Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad (1874 – 1939 M) anak kepada Tuan Tabal. Sungguhpun beliau dikatakan seorang pendukung Kaum Tua, namun sikapnya yang liberal dan terbuka dalam melihat aliran mazhab sepertimana ketokohan Tok Kenali telah membuka lembaran baru dalam sejarah gerakan islah di Kelantan. Selain itu, Haji Nik Leh Wan Musa juga turut bergiat aktif dalam menyebarkan ajaran al-Sunnah dan fahaman Syah Waliyullāh al-Dahlāwi.¹³⁷

Arus pembaharuan Islam yang ada mulanya bersumber dari Timur Tengah mengalir di Kelantan dibawa oleh pelajar-pelajar yang belajar di Mesir melalui majalah dan kitab, sama secara langsung atau tidak langsung. Majalah-majalah seperti *al-Urwātul Wuthqā*, *al-Manār*, *al-Imām*, *al-Ikhwān* dan *Saudara* tidak pernah pudar di dalam kehidupan masyarakat Kelantan.¹³⁸ Meskipun dikatakan majalah ini tidak dibaca

¹³⁷ Nama penuh Shah Waliyullah al-Dihlawi ialah Qutb al-Din, Ahmad Waliyullah, Abu ‘Abd al-Aziz ibn Shah ‘Abd al-Rahim. Beliau dilahirkan di Delhi pada hari Rabu 4 Syawal 1114H/ 1702M. al-Dihlawi diberi gelaran Qutb al-Din sempena nama seorang sarjana Islam di India bernama Qutb al-Din yang pernah hadir di dalam mimpi al-Dihlawi. Di dalam sejarah kebangkitan al-Dihlawi, beliau banyak membincangkan mengenai permasalahan umat Islam serta mengkaji bagaimana jalan penyelesaian yang sewajarnya diberi perhatian dan dilaksanakan oleh pihak berwajib. Terdapat dua isu utama yang menjadi fokus pengislahan, pertama mengenai kemerosotan umat Islam di India dalam pelbagai sudut meliputi akhlak, akidah dan penghayatan Islam yang sebenar. Kedua, mengenai persengketaan yang berlaku di dalam masyarakat Islam telah menghakis sikap perpaduan di kalangan umat sejagat. Di dalam gerakan tajdidnya, beliau lebih menekankan aspek pembangunan pemikiran dan kesedaran. Lihat lanjut, Prof Madya Dr. Abdul Hayei Hj. Abdul Sukor (1993), “Biografi Dan Pemikiran Tajdid Shah Waliyulla al-Dihlawi” dalam *Tokoh-Tokoh Pemikir Islam*, jil. 1, Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid (ed.), Budaya Ilmu Sdn. Bhd., h. 97-109.

¹³⁸ Mohd Radzi Othman & O.K. Rahmat (1996), *op.cit.*, h. 220.

oleh orang awam, namun ia amat besar dalam mempengaruhi pembaharuan dalam aspek kehidupan dan budaya berfikir keintelektualan.

Seterusnya, gerakan islah ini bergerak ke utara, Perlis iaitu satu-satunya negeri yang menunjukkan kegemilangan dalam gerakan ini. Yang mana gerakan awal telah dipelopori oleh tiga orang tokoh utama iaitu Haji Ahmad Hakim, Wan Ahmad Wan Daud dan Syeikh Ahmad bin Mohamad Hashim. Atas usaha dan inisiatif mereka ini, Abu Bakar al-Asyaari telah dibawa masuk dari Pulau Pinang yang kemudiannya beliau terkenal sebagai jurubicara gerakan islah di Perlis.

Gerakan ini telah berjaya menakutkan pihak kerajaan sehingga pada 26 Mac 1959 aliran ini telah dikanunkan dalam Perlembagaan Perlis sebagai pegangan rasmi negeri. Ini diperkukuhkan lagi pada tahun 1963, apabila negeri Perlis memperuntukkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai ikutan masyarakatnya berbeza dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia yang berpegang kepada mazhab Syafi'e. Penguatkuasaan ini sebenarnya dianggap sebagai simbol kejayaan yang terbesar di antara gerakan-gerakan islah yang dilaksanakan negeri-negeri di Malaysia.

Semuanya itu merupakan peringkat awal gerakan islah di Malaysia yang terus berlanjutan kemudiannya. Tetapi di dalam peringkat perkembangannya, gerakan islah di Malaysia mengambil bentuk baru iaitu dengan meluasnya bidang kegiatan yang meliputi aspek pendidikan, sosial, ekonomi dan adakalanya politik. Begitu juga seperti di Johor, Pahang, Kedah, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur walaupun tidak dibincangkan di dalam kajian ini, namun tidak bermakna di negeri-negeri tersebut tidak merasai bahang kebangkitan islah namun suasananya tidak serancak Perlis hasil dari pantauan majlis agama dan pihak kerajaan.

6.3 Tahap Ketiga (1957 – 1970-an)

Gerakan nasionalisme yang tercetus di Tanah Melayu hasil dari gerakan islah Islamiah itu telah sampai ke tahap yang amat penting selepas Perang Dunia Kedua. Rancangan pihak kerajaan British yang ingin menubuhkan *Malayan Union*, dilihat sebagai suatu ancaman yang besar kepada orang-orang Melayu. Kesannya orang-orang Melayu mula bersatu hati untuk menentang penubuhan tersebut dengan menubuhkan sebuah parti politik yang dikenali sebagai UMNO (United Malays National Organization). Melalui UMNO, masyarakat Melayu bergerak untuk menyatupadukan orang Melayu dan menuntut kemerdekaan serta berjuang demi kepentingan agama Islam.

Di samping itu bagi menyemarakkan lagi kebangkitan islah di tahap ini, pelbagai pertubuhan juga mula memainkan peranannya. Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, agama Islam termaktub sebagai agama rasmi negara, namun menurut Mohd Jamil Mukmin, kefahaman dan penghayatan tentang Islam masih belum bersifat menyeluruh. Oleh itu, sebagai kesinambungan kepada gerakan-gerakan islah sebelum ini, beberapa buah pertubuhan Islam mula ditubuhkan seperti PKPIM, ABIM dan pertubuhan Islam yang lain pada tahun 1960-an dan 1970-an seperti mana yang telah pengkaji sentuh di bahagian awal bab ini. Dan perlu diketahui juga, tahap ini gerakan islah telah menemui satu bentuk baru dalam perjuangannya. Mereka mulai berani memperkatakan tentang Islam dalam semua aspek termasuk undang-undang, ekonomi, pendidikan dan sosial. Menurut pengkaji, semua negeri turut mengambil bahagian di dalam hal ini. Tidak seperti tahap sebelumnya mengalami peringkat-peringkat tertentu dari satu negeri ke satu negeri yang lain.

Walaupun pergerakan islah di tahap ini dibayangi semangat nasionalisme namun, itu tidak bermakna semangat islah menjadi semakin pudar. Malah berdasarkan kajian-kajian lepas membuktikan bahawa di akhir tahun 60-an perjuangan islah di pelusuk dunia mengalami suatu revolusi baru di dalam sejarah perkembangan Islam. Di mana perjuangan-perjuangan ke arah pembaikan kepada masyarakatnya menjadi ikutan di setiap pelusuk negara tidak terkecuali Malaysia. Malaysia turut merasai bahang kehangatan Revolusi Iran dan kecenderungan masyarakat untuk memperkatakan tentang Islam.

Ini kerana menurut Jaffary Awang (2006), kebangkitan kesedaran ini adalah pertama berpunca dari timbulnya keghairahan di kalangan para pelajar untuk mengadakan seminar bagi membincangkan Islam dan isu-isu semasa yang berkaitan. Kedua, peningkatan buku-buku terjemahan dan asli dalam membincangkan mengenai pemikiran dan gerakan Islam di luar negara. Ketiga, kemunculan kumpulan-kumpulan yang memperjuangkan cara hidup Islam. Keempat, kesediaan pihak pemerintah bagi memenuhi kehendak kebangkitan islah. Kelima, kepekaan masyarakat terhadap aspek etika berpakaian dan keenam, kebangkitan Islam juga akibat dari kepekaan para pendokong terhadap seni budaya. Ketujuh, adanya kesedaran terhadap aspek hub halal.¹³⁹

Riduan Mohamad Nor & Mohd Fadli Ghani (2007) berpendapat, melalui gerakan islah ini terdapat tiga sumbangan besar yang dapat dilihat dan dikaji oleh sarjana sehingga ia disimpulkan sebagai bermulanya gerakan nasionalis atau kemerdekaan di kalangan orang Melayu. Sumbangan-sumbangan tersebut ialah penubuhan madrasah iaitu sistem pendidikan Islam yang tersusun menggantikan pendidikan pondok, penerbitan majalah-majalah dan penubuhan kelab-kelab Islam di

¹³⁹ Jaffary Awang (2006), *op.cit.*, h. 194-195.

seluruh tanah air. Bertitik-tolak daripada elemen inilah, maka kesedaran umat Islam untuk merdeka mula bangkit secara menyeluruh dan menjadi padu menjelang Perang Dunia Kedua.¹⁴⁰

Justeru itu, apa yang dibincangkan oleh Jaffary Awang dan Riduan Mohamad Nor & Mohd Fadli Ghani itu ada benarnya. Namun apa yang dapat pengkaji simpulkan berdasarkan kajian Jaffary Awang, hanya empat faktor penting sahaja yang cuba ditonjolkan oleh beliau seperti yang disimpulkan oleh Riduan Mohamad Nor & Mohd Fadli Ghani. Ini kerana apabila pengkaji simpulkan pendapat ketiga, kelima, keenam dan ketujuh boleh kita gabungkan di bawah satu kenyataan yang khusus iaitu semuanya menjurus ke arah membudayakan cara hidup Islam. Manakala pendapat keempat pula, sebenarnya ia bukanlah suatu faktor yang terpenting dalam kebangkitan Islam di Malaysia. Sebaliknya ia hanya disifatkan sebagai kesan timbal balik terhadap bahang kebangkitan Islam semata-mata.

7. Gerakan Islah Antara Kaum Tua Dan Kaum Muda

Kesan dari perkembangan gerakan islah telah menimbulkan satu pertentangan yang agak besar di antara aliran pemikiran Islam khususnya di dalam bidang fiqh dan aqidah seterusnya merebak kepada penafsiran ayat-ayat al-Quran ialah pertikaian di antara 'Kaum Tua' dan 'Kaum Muda'. Walaupun sebenarnya pertikaian ini sepatutnya berpunca dengan perbezaan kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran, tetapi ia bermula dengan perbezaan dalam bidang fiqh dan aqidah. Ini kerana pada zaman awal perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu, jarang sekali wujud perbincangan mengenai ilmu tafsir apatah lagi penulisan di kalangan ulama-ulama Melayu terdahulu. Pengkaji di dalam masa yang sama tidak menafikan kewujudan aliran-aliran lain namun pertembungan di antara kedua-dua golongan ini dianggap sebagai paling dominan di

¹⁴⁰ Riduan Mohamad Nor & Mohd Fadli Ghani (2007), *op.cit.*, h. 129.

dalam masyarakat umat Islam di Malaysia.¹⁴¹ Bagi Pendeta Za'ba, faktor utama perselisihan di antara Kaum Tua dan Kaum Muda ini adalah dalam aspek "menjalankan fikiran".¹⁴² Aspek pemikiran menjadi pemisah kedua-duanya.

7.1 Kaum Tua

Secara umumnya, gerakan Kaum Tua ini boleh didefinisikan sebagai ulama-ulama tradisional yang berpegang kepada tradisi konservatif atau mempertahankan yang lama. Sesuai dengan pengertian konservatif, ulama-ulama ini sebagaimana biasanya cuba melihat sejarah atau masa lampau sebagai sumber inspirasi atau sesuatu yang harus dipertahankan. Di dalam banyak perkara, mereka lebih suka mengekalkan *status quo* sesuatu amalan yang telah lama bertapak di dalam masyarakat.¹⁴³

Menurut Azmah Abdul Manaf (2005), satu perkara yang nyata tentang sikap mereka ialah kuatnya pegangan mereka kepada pendapat atau fatwa ulama mazhab muktamar sehingga mereka tidak menggalakkan ijtihad lagi. Beliau mengandaikan penolakan ini barangkali disebabkan mereka tidak begitu yakin dengan keupayaan yang dimainkan oleh golongan muda untuk berijtihad. Untuk berijtihad seseorang itu perlu mempunyai ilmu agama yang mantap serta perlu menguasai al-Quran dan al-Sunnah.

Golongan tradisionalis ini seringkali menganggap bahawa kemunduran umat Islam adalah kerana mereka melarikan diri daripada ajaran-ajaran generasi yang lalu, serta memutuskan hubungan tradisi mereka untuk mengikuti arus perubahan iaitu godaan syaitan dari Barat.¹⁴⁴ Pada dasarnya mereka menolak kemajuan sains dan kemodenan itu kerana mereka menganggap banyak unsur-unsur kemajuan yang dibawa

¹⁴¹ Ust Ahmad Fadhli bin Shaari (t.t.) "Polemik Tafsir Di Antara Kaum Tua Dan Kaum Muda Di Negeri Kelantan", <http://kias.edu.my/gema1.htm> diakses pada 10 Oktober 2010.

¹⁴² Adnan Haji Nawang (2009), *Za'ba Dan Melayu*, Tanjong Malim Universiti Pendidikan Sultan Idris, h. 63.

¹⁴³ *Ibid.*

¹⁴⁴ Ust Ahmad Fadhli bin Shaari (t.t.), *op.cit.*

bercanggap sama sekali dengan prinsip akidah dan amalan Islam. Mereka lebih selesa untuk ‘mengurung’ Islam dalam satu benteng tanpa jendela dan pintu keluar, tanpa ruangan terbuka ke arah langit, serta mempertahankan seluruh tradisi yang telah diwarisi oleh nenek moyang tanpa membezakan ajaran Islam yang tulen atau campuran dari pelbagai pengaruh yang lain.¹⁴⁵

Abdul Rahman Haji Abdullah (1981), pula mengkategorikan golongan ini sebagai satu kelompok yang ingin menghidupkan kembali tradisi (sunnah) Nabi dalam segenap seginya, termasuk yang titik-bengik seperti fesyen berpakaian, cara makan-minum dan sebagainya. Jika dikaji pada risalah-risalah yang diterbitkan oleh mereka atau ucapan-ucapan mereka, yang sering ditekankan sangat ialah mengenai pembentukan akhlak atau peribadi, menanamkan semangat beribadat serta membetulkan akidah. Sedikit sangat mereka menyentuh isu-isu nasional atau memang mereka kurang gemar untuk membicarakannya. Termasuk dalam golongan ini ialah Darul-Arqam, Jemaah Tabligh serta tokoh-tokoh perseorangan yang lain seperti Ustaz Muhammad Uthman el-Muhammady dan Wan Muhammad bin Wan Muhammad Ali.¹⁴⁶

Mereka ini juga menurut Prof. Dr. H. M. Din Shamsuddin (2002) dalam pembentangan kertas kerjanya, *Kembali Ke Islam Yang Benar: Pandangan Ulama, Intelektual Islam Dan Fundamentalis*, menyatakan bahawa kelompok mazhab ini tidak mahu melakukan perubahan dan kompromi serta tidak mahu menerima sebarang kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi yang berasal dari Barat. Mereka berpendapat Barat adalah musuh Islam, baik politik mahupun budaya yang mana ianya harus ditolak. Masyarakat Islam dikatakan tidak perlu untuk mengikuti pemikiran yang diasaskan Barat kerana Islam itu bersifat syumul dan sempurna, walaupun pada hakikatnya dalam

¹⁴⁵ *Ibid.*

¹⁴⁶ Abd. Rahman Haji Abdullah (1981), *Sejarah Dan Pemikiran Islam*, Pena Sdn. Bhd., h. 282-283.

pengalaman terjadi penyempitan Islam terhadap akidah tanpa disaluti unsur kebudayaan atau peradaban. Ulama tradisional ini lebih cenderung kembali kepada masa lalu dalam usaha mencari jawapan terhadap Islam berkait tentangan masa kini. Mereka beranggapan bahawa bentuk kehidupan umat Islam abad ke-7 sudah cukup sempurna sehingga tidak perlu diubah atau disesuaikan dengan abad baru.¹⁴⁷

7.2 Kaum Muda

Sebenarnya Kaum Muda ialah gelaran yang diberikan oleh ulama-ulama tradisional terhadap beberapa ulama di pantai Barat Tanah Melayu, Pulau Sumatera dan Mesir. Gelaran ini diberikan kerana yang mendokong pemikiran ini terdiri daripada mereka yang usianya secara relatif masih muda di samping percubaan mereka dalam membawa sesuatu ciri pembaharuan dalam menggerakkan perubahan sosial dalam masyarakat Melayu. Dalam perjuangan mereka, Kaum Muda ini menyeru anggota-anggota masyarakat supaya kembali kepada ajaran Islam sebenar iaitu al-Quran dan al-Sunnah serta mengamalkan ijtihad islah Islamiah.

Pemikiran Kaum Muda ini sangat menekankan kepada semangat *pruitanisme* iaitu penekanan terhadap ajaran Islam yang tulen (pristine). Bertolak dari semangat inilah, aliran Kaum Muda ini sangat-sangat menekankan kepada usaha-usaha islah atau tajdid.¹⁴⁸ Gerakan Kaum Muda dalam tahun 1920-an dan 1930-an yang diwakili oleh kebanyakan lulusan Timur Tengah yang terpengaruh dengan aliran Salafiyah (Pan-Islam) di bawah pengaruh Muhammad Abduh, Muhammad Rashid Rida dan Jamaluddin al-Afghani, telah mula mempengaruhi belia-belia lainnya agar mendapatkan pendidikan sekolah Inggeris dan saling berganding bahu dalam menyebarkan aliran islah ini.

¹⁴⁷ Prof. Dr. H.M. Din Shamsuddin (2002), "Kembali Ke Islam Yang Benar: Pandangan Ulama, Intelektual Islam Dan Fundamentalisme" dalam *Isu Dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*, Dewan Bahasa & Pustaka, h. 146.

¹⁴⁸ Ust Ahmad Fadli bin Shaari (t.t.), *op.cit.*

Pemikiran tokoh-tokoh ini akhirnya mempengaruhi beberapa orang ulama Melayu yang menuntut di Timur Tengah pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20. Dalam konteks Tanah Melayu, gerakan Kaum Muda ini bermula dari Selatan iaitu Singapura seterusnya merebak ke Pantai Barat dan Kelantan merupakan antara lokasi terakhir yang berjaya diserapi oleh idea-idea Kaum Muda. Di antara tokoh-tokoh yang boleh disifatkan sebagai Kaum Muda ialah Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1869-1956), Syeikh Muhammad Salim al-Kalali, Syed Syeikh al-Hadi (1867-1934), Syed Muhammad Aqil dan Haji Abbas Mohd Taha. Mereka ini bergabung untuk menerbitkan *Majalah al-Imām* (1906-1908) iaitu mirip *Majalah al-Manār* dari sudut semangat dan prinsipnya. Selain dari mereka, Dr. Burhanuddin al-Hilmi, Haji Abbas Taha dan Pendeta Za'ba sendiri merupakan tokoh-tokoh pemikir yang mempunyai serapan pemikiran Kaum Muda ini.¹⁴⁹

Sungguhpun begitu pada peringkat pengenalannya, gerakan Kaum Muda tidak mendapat perhatian sewajarnya dari gerakan Kaum Tua. Ini kerana masyarakat sudah sehati dengan apa yang dicurahkan oleh golongan tradisional yang sekian lama menguasai pemikiran masyarakat Islam di Nusantara khususnya Malaysia. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2007), di Malaysia tradisionalisme Islam dapat bertahan kerana faktor kerajaan yang menjadi pihak yang memiliki autoriti rasmi dalam hal berkaitan dengan Islam dan adat istiadat Melayu. Golongan ortodoks ini dilihat tidak mahu membuka ruang kepada golongan literat dalam membawa pembaharuan ke dalam minda masyarakat Islam.

Keadaan ini selaras dengan apa yang pernah dinyatakan oleh Pendeta Za'ba di dalam bukunya *Za'ba dan Melayu*, bahawa Kaum Tua adalah golongan “*in the great majority*” dan mempunyai kuasa dalam birokrasi agama.

¹⁴⁹ *Ibid.*

“...Kaum Tua adalah musuh utama yang menggalang dan menahan kemajuan Islam dan kejayaan umat muslimin. Mereka dipercayai telah membawa akan kejatuhan dan kelemahan dan kebinasaan...”¹⁵⁰

Ini di tambah dengan penjajahan British yang lebih berminat kepada kekuasaan politik dan ekonomi sahaja, menjadikan autoriti keislaman dan adat istiadat Melayu tetap dinaungi oleh kuasa sultan. Berkat autoriti kerajaan, maka tradisionalisme Islam terus bertahan di Malaysia. Tentangan dan kritikan yang diberikan oleh Kaum Muda melalui saluran suara *al-Imām*, dilihat tidak mampu untuk menggoyahkan kepercayaan ortodoks ini. *Al-Imām*, *Neraca*, *al-Ikhwān*, *Saudara* dan *Idaran Zaman* dijadikan sebagai medan melampiaskan kritikan terhadap kerajaan dan para ulama tradisional yang menjadi musuh kepada kemajuan umat Islam yang sebenar.

Tujuan Kaum Muda ini dilihat cuba untuk memajukan masyarakat Melayu melalui aktiviti keagamaan. Ini kerana Islam sebagai keseluruhan cara hidup orang-orang Melayu yang mana ianya tidak dapat dipisahkan kepada bahagian dan lapangan tertentu. Golongan ini merasakan kelemahan dalam aspek keagamaan merupakan punca penyakit utama yang menyebabkan terbantutnya perkembangan kemajuan pendidikan, ekonomi, sosial dan politik orang Melayu. Mereka cuba memperkenalkan ajaran Islam sebenar berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah di samping memberi perhatian yang sewajarnya kepada aspek keduniaan.

Mereka berikrar akan membebaskan masyarakat Islam daripada sebarang anasir kepercayaan kuno yang dianggap punca mengapa umat Islam tidak mampu mengecapi kemajuan setanding dengan pencapaian Barat. Golongan ini juga tanpa henti mengkritik dan mengherdik sikap Kaum Tua yang masih berpegang teguh dengan adat dan kebudayaan Melayu yang sama sekali bercanggah dengan ajaran Islam. Mereka

¹⁵⁰ Adnan Haji Nawang (2009), *op.cit.*, h. 62.

menyatakan bahawa Kaum Tua telah membawa satu pegangan yang salah dan telah menyebabkan orang Melayu menyalahafsirkan ajaran agama pada pengertian yang sebenarnya.

Namun sungguhpun begitu, diperingkat awal walaupun pelbagai usaha yang dilakukan oleh tokoh-tokoh Kaum Muda seperti Sayyid Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Taha, Syed Kalim al-Kalali dan Abdullah al-Maghribi, namun secara umumnya perkembangan pemikiran Muhammad Abduh bin Abdul Wahab ini kelihatan agak malap dalam membentuk gagasan pemikiran baru Islam yang sempurna dan meluas. Idea pembaharuan beliau ini hanya mampu menarik sebahagian kecil golongan elit Melayu, sementara sebahagian besarnya masih bertahan dengan ketradisionalannya.

8. Isu-Isu Pembaharuan Islah

Seterusnya pengkaji akan membincangkan secara ringkas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu berdasarkan isu-isu pembangunan yang hangat dibincangkan ketika itu. Antaranya ialah aspek pendidikan, politik, perundangan, ekonomi dan sosial-budaya. Justeru itu, maklumat lanjut akan dikupas oleh pengkaji seperti berikut:

8.1 Pendidikan

Selepas kedatangan Barat, sistem pendidikan negara masih mempraktikkan corak pendidikan Barat. Sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang dibangunkan diwajibkan menggunakan sistem pendidikan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Kesan langsung dari sistem pendidikan ini telah melahirkan sekelompok masyarakat Islam yang mempunyai pemikiran dan pandangan hidup sekular. Mereka ini bukan

sahaja memuja material malah turut bertindak agresif memberontak terhadap agama dan teruja terhadap gaya hidup bebas yang merupakan manifestasi kepada kelompongan dan ketandusan unsur-unsur tauhid dalam diri individu itu sendiri.

*“...negeri-negeri yang dijajah itu, penduduknya yang terbesar adalah beragama Islam, maka kaum penjajah selalu berusaha supaya sistem pendidikan yang akan membawa umat Islam maju dan berkembang, ditekannya dengan segala cara yang dapat dilakukannya. Kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan pelajaran tinggi bagi umat Islam, selalu dipersukar. Kalau pun ada orang-orang Islam yang dapat pelajaran tinggi, maka sepulangnya dari sekolah tinggi itu, ia akan tidak mudah mendapat kedudukan yang baik di tengah-tengah masyarakat, jika ia hendak berdiri sendiri sebagai orang Islam yang berfikiran maju dan bebas. Tapi kalau dia mahu mengikuti jalan fikiran pihak penjajah, ia akan mendapat kedudukan yang tinggi dan jadilah dia sebahagian dari alat penjajahan itu sendiri”.*¹⁵¹

Ini jelas membuktikan bahawa masyarakat Melayu tidak diberi peluang sewajarnya untuk maju di dalam bidang pelajaran agar di kemudian hari tidak ada orang Melayu yang dapat mempertikaikan sistem yang diamalkan oleh Barat. Intelektual-intelektual yang tidak sehaluan dengan pihak penjajah akan terpinggir dari struktur pentadbiran politik. Manakala intelektual yang bersedia untuk berkhidmat kepada pihak penjajah sentiasa dialu-alukan dan dengan mudah mendapat tempat di dalam struktur pentadbiran. Akibatnya lahirlah golongan-golongan intelektual yang ekstrem kepada falsafah pemikiran Barat. Apabila golongan-golongan ini mengambil alih tampuk pemerintahan negara bekas jajahan, legasi sedia ada dipraktikkan dan menjadi panduan dalam mengisi agenda kemerdekaan negara.

Dan selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, isu pendidikan terus dibincangkan. Walaupun telah banyak sekolah rendah, menengah dan maktab perguruan ditubuhkan, namun masyarakat Melayu masih tidak berpuashati dengan beberapa perkara di dalam Ordinan Pelajaran 1957. Kedudukan sekolah-sekolah Melayu masih

¹⁵¹ Bakhtiar Jamili (1973), “Bagaimana Mencegah Gerakan-Gerakan Ekstrem Kiri Di Kalangan Islam”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, bil. 3 & 4, jil. 4, 15 Mac/ 1 April 1973 bersamaan 9/26 Safar 1393, h. 24.

jauh terpinggir serta penggunaan Bahasa Melayu di sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi masih tidak begitu jelas. Dan lebih buruk apabila sebilangan besar anak-anak Melayu tercicir di dalam peperiksaan Darjah Enam. Begitu juga sekolah-sekolah agama tidak diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan berbanding sekolah-sekolah Inggeris.¹⁵²

Pada dekad ini banyak di antara pertubuhan dan tokoh-tokoh kebangsaan berjuang dalam mempertahankan hak anak-anak Melayu di dalam bidang pelajaran. Sokongan dan galakkan diberikan agar lebih ramai anak-anak Melayu berpeluang melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi (IPT) di samping Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi. Selain itu, pertubuhan Islam dan tokoh-tokoh Islam pula memfokuskan perjuangan mereka ke arah merombak sistem pendidikan negara yang ada dan mewujudkan satu falsafah pendidikan negara berpaksikan Falsafah Pendidikan Islam.¹⁵³

Dan melalui Falsafah Pendidikan Islam itu, saranan kepada penambahan bilangan Institut Pengajian Tinggi meliputi maktab perguruan Islam, kolej universiti Islam dan penubuhan Universiti Islam sering dilaungkan kepada pihak kerajaan. Ini dapat kita lihat di dalam *Majalah al-Islah*, di mana beberapa rencana ditulis mengenai penubuhan kolej universiti dan Universiti Islam yang akan dibincangkan di dalam bab empat nanti.

¹⁵² Mohd Jamil Mukmin (2009), *Gerakan Islam Di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*, Shah Alam: Universiti Teknologi Mara, h. 78.

¹⁵³ *Ibid.*, h. 79.

8.2 Politik

Dari sudut politik, penjajah Barat berperanan memperkenalkan pemerintahan demokrasi dan memberi kebebasan politik yang tinggi kepada rakyat. Sistem demokrasi liberal cuba dilaksanakan dan pelbagai institusi asasnya segera dibentuk seperti badan kehakiman yang bebas, badan untuk mengendalikan pilihan raya dan dewan perundangan. Kebanyakan negara membangun melaksanakan sistem pemerintahan demokrasi seperti yang diamalkan di Barat tanpa mengambil kira latar belakang masyarakat, seperti taraf pendidikan yang masih rendah, elemen feudal yang masih kuat, tingkat ekonomi yang masih mundur serta sifat budaya politik yang masih parokial.¹⁵⁴

Suatu perkara yang tidak dapat dinafikan menjadi faktor penting kepada perubahan pemikiran masyarakat dan budaya politik khususnya negara kita ialah pengenalan sistem ekonomi kapitalisme serta tuntutan pasaran moden. Sehubungan dengan ini kehadiran dan persaingan golongan imigran turut menjadi angkubah penting yang sangat mempengaruhi perkembangan politik masyarakat khususnya di peringkat pascamerdeka. Apatah lagi pencapaian kemerdekaan telah membawa banyak kebebasan untuk mentadbir negara sendiri dan peluang ini terbuka bersama dengan golongan pendatang. Meskipun demikian budaya dan pemikiran tradisional tidak pula terhakis semudahnya dan idea kapitalisme ini ternyata telah banyak membawa perubahan di dalam pemikiran dan budaya politik Melayu.¹⁵⁵ Maka akibat banyaknya terpengaruh dengan budaya-budaya Barat, nilai dan etika ketimuran kian terhakis.

¹⁵⁴ Nidzam Sulaiman & Zaini Othman (2005), "Pembangunan Politik Malaysia: Menjejak Perubahan Budaya Politik Melayu", dalam Junaeh Sulehan, *et.al.*, *Masyarakat, Perubahan Dan Pembangunan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 70.

¹⁵⁵ *Ibid.*, h. 73.

Oleh itu, timbullah kesedaran untuk menerapkan semula nilai-nilai Islam ke dalam sistem pentadbiran negara. Antara langkah yang diambil ialah dengan memberikan teguran dan nasihat yang berguna kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan supaya bekerja mengikut tuntutan al-Quran dan hadis agar sentiasa bekerja bersungguh-sungguh, rajin, tekun, amanah, jujur, cekap dan mencari keredhaan Allah.

8.3 Perundangan

Kedatangan penjajah secara langsung telah memperkenalkan Inggeris dalam pentadbiran negeri. Pengaruh undang-undang Inggeris mula dipraktikkan hingga berjaya memperkecilkan peranan undang-undang Islam yang dahulunya menjadi undang-undang asas dan dasar negeri-negeri Melayu. Akhirnya undang-undang Islam telah disempitkan dan berfungsi dalam bidang pernikahan, perceraian, pembahagian harta pusaka dan hal-hal kekeluargaan.¹⁵⁶

Keadaan ini berterusan sehingga negara mencapai kemerdekaan. Dalam mengisi pembangunan kemerdekaan, isu perundangan tidak menjadi tumpuan yang sewajarnya kerana pada ketika ini negara sedang menghadapi masalah ketidakstabilan politik dan budaya. Hanya berlaku sedikit perubahan kecil sahaja terhadap Undang-undang Pentadbiran Islam bagi negeri-negeri yang masih belum melaksanakannya. Oleh hal yang demikian, masyarakat Islam mulai sedar akan pentingnya mempraktikkan undang-undang Islam di negara kita ini. Pelbagai saranan dan cadangan diusulkan kepada kerajaan agar skop perundangan Islam diperluaskan bukan sahaja dalam lingkungan undang-undang kekeluargaan, malah meliputi kesemua bidang termasuklah hudud dan sebagainya.

¹⁵⁶ Mohd Jamil bin Mukmin (2009), *op.cit.*, h. 57.

8.4 Ekonomi

Pihak penjajah juga tidak menunjukkan minat yang mendalam untuk memajukan ekonomi orang Melayu. Peluang-peluang perniagaan diberikan kepada kaum lain. Ini jelas berdasarkan petikan di bawah:

*“Pemerintahan Inggeris tidak berasa bertanggungjawab memberi peluang ekonomi dalam sektor moden kepada orang Melayu atau ‘memajukan’ masyarakat Melayu. Peluang-peluang perniagaan dan pendidikan Inggeris di bandar tidak dinikmati oleh orang Melayu. Dasar Inggeris ialah hendak mengekalkan keadaan masyarakat tradisional Melayu di luar bandar”*¹⁵⁷

Dan selepas kemerdekaan, masalah ini masih lagi berterusan. Sungguhpun ekonomi pasca kemerdekaan memperlihatkan adanya usaha-usaha pembangunan ke arah memajukan ekonomi orang Melayu namun soal kemiskinan dan peminggiran masih menghantui kehidupan masyarakat Melayu. Dengan dibentuk Dasar Ekonomi Baru, pengagihan tanah-tanah rizab dan subsidi sedikit sebanyak telah mengurangkan beban yang ditanggung oleh masyarakat desa.

Ini dibuktikan dengan Rancangan Malaysia Kedua (RMK 1971-1975)¹⁵⁸ dan Rancangan Malaysia Ketiga (RMT 1976-1980).¹⁵⁹ Di mana pihak kerajaan berusaha mengagihkan tanah-tanah kerajaan untuk diusahakan. Dari banci penduduk tahun 1970 didapati 49.3% dari semua keluarga di Semenanjung Malaysia menerima pendapatan di bawah garis miskin. Pendapatan purata isi rumah sebulan, Melayu menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 64.8 peratus, Cina 26.0 peratus, India 39.2 dan lain-lain sebanyak 44.8.¹⁶⁰ Begitu juga dengan pemberian subsidi. Keadaan ini menambahkan pergantungan rakyat sepenuhnya kepada pihak kerajaan.

¹⁵⁷ Isahak Haron (2002), “Pandangan Orang Melayu Dan Reform Dalam Pendidikan”, *Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu I*, Hotel Renaissance, Kuala Lumpur pada 1-3 Oktober 2002, h. 3.

¹⁵⁸ Penubuhan RMK adalah bertujuan bagi mengurangkan dan membasmi kemiskinan di samping memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat berbilang kaum.

¹⁵⁹ Penubuhan RMT bertujuan membasmi kemiskinan dan meneruskan usaha-usaha untuk menyusun semula masyarakat serta memperkukuhkan keselamatan negara.

¹⁶⁰ Rancangan Malaysia Keempat (1981), Jadual 3.3, Jabatan Percetakan Negara, h. 42.

Selain itu, dengan penambahan bilangan penduduk telah menimbulkan pelbagai masalah ekonomi. Masalah pengangguran dan ketidakadilan dalam pengagihan turut menjadi perbincangan, tidak terkecuali juga *Majalah al-Islah*. Di samping itu, nilai dan etika di dalam ekonomi turut perlu dipertingkatkan. Konsep kesederhanaan, *infaq* (berbelanja di jalan Allah), pengharaman riba dan ketekunan dalam mencari rezeki serta permintaan kepada institusi-institusi kewangan seperti Skim Perbankan Tanpa Faedah, Insurans Islam, Takaful, Pajak Gadai Islam atau *ar-Rahn*, Tabung Haji, Sistem Pungutan Zakat, Sistem Pengurusan Wakaf, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam adalah antara isu-isu yang dibincangkan dalam menerapkan cara hidup Islam.

8.5 Sosio-budaya

Di awal kemerdekaan, banyak di antara budaya-budaya Barat yang masih diamalkan oleh masyarakat Melayu. Budaya meminum minuman keras (*toast*-upacara minum selamat dengan *wine*), majlis tari-menari sering menjadi ikutan seperti di dalam majlis sosial yang dianjurkan oleh Barat. Begitu juga dengan gaya berpakaian. Majoriti pelajar-pelajar Islam pada ketika itu memakai skirt dan mini skirt sama seperti pelajar-pelajar bukan Islam. Oleh itu, situasi-situasi seperti inilah yang cuba dihapuskan oleh pertubuhan-pertubuhan Islam seperti ABIM dan PKPIM, tokoh-tokoh Islam dan badan-badan pelajar Islam seperti Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM).

Selain itu, budaya di dalam pergaulan juga turut menjadi isu agar pemahaman Islam itu meliputi keseluruhan cara hidup. Penerapan budaya salam “ucapan selamat” turut diubah dari “selamat pagi”, “*good morning*”, “*good afternoon*” atau “*good bye*” berubah kepada “Assalamualaikum” dan dibalas dengan “Walaikumussalam”.¹⁶¹ Justeru itu, jika diadakan majlis-majlis keramaian, mesyuarat dan sebagainya akan

¹⁶¹ Kamarulnizam Abdullah (2002), *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 67.

dimulakan dengan “Bismillahirrahmanirrahim” serta “Alhamdulillah”. Dan etika pemisahan tempat duduk di antara lelaki dan perempuan juga diterapkan.¹⁶²

Dari sudut kesenian pula termasuklah seni sastera, seni bina, seni suara, seni muzik, seni ukir, seni hias dan seni lakon menjadi perbincangan para cerdik pandai. Persoalan hukum mula menjadi perdebatan di antara alim ulama. Contohnya seperti penggunaan alatan muzik bertali, lakonan bersentuhan di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim menjadi perbincangan yang hangat. Antaranya terdapat beberapa rencana yang menyentuh mengenai seni muzik dan persembahan yang akan pengkaji bentangkan di dalam bab empat.

9. Biografi Tuan Haji Yusof Rawa

Kemudian kajian diteruskan lagi dengan dengan sub topik kedua, iaitu kajian biografi kepada Tuan Haji Yusof Rawa sebagai pengasas kepada *Majalah al-Islah*. Mengapa perlunya pengkaji memperkenalkan tokoh ini?. Pengkaji perlu memperkenalkannya bagi tujuan untuk melihat kecenderungan beliau dalam menerbitkan sebuah majalah agama yang lebih dikategorikan sebagai sebuah majalah berunsur islah. Di mana dalam majalah ini, banyak idea-idea islah yang cuba diketengahkan dalam usaha memperbaiki kehidupan masyarakat Melayu ketika itu.

Namun sebelum kita membincangkan dengan lebih lanjut, pengkaji akan memberikan beberapa kriteria sebagai tokoh islah. Menurut pendapat Mohd Jamil Mukmin (2009), gerakan pembaharuan pemikiran atau *al-iṣlah al-Dinī* itu merujuk kepada pembaharuan cara berfikir dan cara hidup Islam. Gerakan-gerakan ini adalah bertujuan untuk mengembalikan kefahaman umat Islam kepada al-Quran, sunnah dan

¹⁶² Mohd Jamil Mukmin (2009), *Gerakan Islam Di Malaysia: Kesenambungan Respons Dan Perubahan (1957-2000)*, Shah Alam: Universiti Teknologi Mara, h. 116.

kemampuan dalam berjihad. Di mana pendekatan-pendekatan ini dikemukakan bagi menyelesaikan perbalahan antara mazhab dan menghapuskan apa sahaja bentuk bidaah, khurafat serta ajaran sesat lain yang wujud dalam masyarakat Islam pada masa itu.¹⁶³ Di samping itu, kebangkitan semula Islam juga adalah bertujuan untuk menegakkan semula nilai dan amalan Islam, institusi Islam serta undang-undang Islam dalam kehidupan masyarakat. Dan kejayaan sesuatu pergerakan Islam itu bergantung kepada keprihatinan dan sensitivitinya dalam mencari, mewujudkan dan mencipta kesepadanan antara persekitaran dalaman dan luarnya.¹⁶⁴ Walaupun Mohd Jamil Mukmin dan Saari Sungib memberi garis panduan ini secara umum, namun menurut pengkaji perkara itu tidak mustahil untuk kita syaratkan kepada tokoh penggeraknya juga.

Di mana pemantapan sesebuah gerakan Islam itu perlulah berteraskan kepada ilmu yang melibatkan satu proses untuk mengenalpasti, menganalisis dan mentafsir isu, trend, anjakan paradigma, sentimen dan fenomena yang wujud dalam masyarakat. Ianya perlu memahami keadaan semasa, faktor-faktor yang mengesani serta kuasa-kuasa yang mendominasi perjalanan masyarakat. Dengan lima jenis ilmu fiqh yang digariskan oleh Dr. Yusuf al-Qardawi, ia membolehkan gerakan Islam memenuhi tuntutan syariah dalam waqi' semasa (realiti semasa) iaitu, *fiqh al-maqāsid*¹⁶⁵, *fiqh al-aulawīyyat*,¹⁶⁶ *fiqh as-sunān*,¹⁶⁷ *fiqh al-muwāzanah*¹⁶⁸ dan *fiqh al-ikhtilāf*.¹⁶⁹

¹⁶³ Mohd Jamil Mukmin (2009), *op.cit.*, h. 1.

¹⁶⁴ Saari Sungib (2010), *Tokoh-Tokoh Besar Gerakan Islam Dalam Sejarah*, Rijal Media, h. 1.

¹⁶⁵ Ilmu bagi mengenali tujuan-tujuan yang digariskan oleh syariat Islam. *Fiqh al-maqasid* ini berteraskan kepada prinsip untuk melindungi, mempertahankan serta mengukuhkan kemaslahatan sosioekonomi dan politik dalam aktivisme serta dinamisme kehidupan manusia. Mempertahankan karamah al-insan atau hak asasi manusia, antara lain adalah tunjang bagi fiqh al-maqasid. Lihat lanjut Saari Sungib (2010), *op.cit.*, h. 7.

¹⁶⁶ Ilmu untuk membolehkan gerakan Islam memahami keutamaan terhadap tindakan yang akan diambil dalam konteks memenuhi tuntutan perjuangannya. Lihat lanjut *ibid*.

¹⁶⁷ Ilmu dalam memahami peraturan Allah dalam kejadian-Nya khususnya dalam peraturan politik dan kemasyarakatannya. Peraturan ini merupakan hukum alam. Oleh itu ia wajib dikaji dan difahami seperti sunnah perubahan, sunnah kemenangan, sunnah kegagalan, sunnah kekalahan dan seumpamanya.

¹⁶⁸ Ilmu bagi membolehkan gerakan Islam menimbang antara manfaat dan mudarat.

¹⁶⁹ Ilmu berkaitan dengan kaedah-kaedah dan melibatkan aspek-aspek furu' fiqhiyyah. Dalam konteks gerakan Islam ia melibatkan perbezaan pandangan di segi strategi, taktik, metodologi, pendekatan dan uslub, polisi dan seumpamanya. Sila lihat *Ibid*.

Muhammad Abu Bakar (1987), di dalam bukunya *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa* telah menggariskan tujuh ciri kebangkitan semula Islam. (i) Peningkatan kesedaran tentang keagungan masa lepas yang diwujudkan oleh perkembangan ilmu pengetahuan atau pemahaman baru tentang zaman tersebut. (ii) Perubahan sikap atau orientasi terhadap Islam sebagai agama, sehingga membawa kepada perluasan fahaman tentang Islam sebagai satu cara hidup dengan pandangan dunia dan visinya yang tersendiri. (iii) Penambahan amalan dalam kehidupan beragama, sama ada peringkat peribadi atau sosial yang membawa kepada pemupukan syariat dan syiar Islam. (iv) Pembalikan perjalanan kehidupan dan semasa yang menyimpang dari landasan agama supaya sejajar dengan tuntutan keislaman. (v) Penggilapan dan pemurnian fikiran dan perlakuan Islam yang sedia ada dan yang sedang berkembang agar ia memenuhi kehendak idealnya. (vi) Pembongkaran khazanah Islam, terutama sekali warisan ilmunya bagi memperoleh bahan dan garis panduan dalam memenuhi persoalan dan cabaran masa kini. (vii) Pendalaman keyakinan atau komitmen terhadap potensi Islam sebagai penyelesaian dan penawar kepada segala penyakit individu dan masyarakat.¹⁷⁰

Manakala Siddiq Fadzil (2010) seperti yang saya bincangkan sebelum ini telah memberikan beberapa ciri penting untuk dikenali sebagai seorang tokoh islah. Menurutnya seseorang tokoh islah itu mestilah bercita-cita untuk mengembalikan kehidupan umat Islam kepada kehidupan berlandaskan Islam yang sebenar, di samping cuba untuk menemukan jati diri keislaman sebagai ekpresi kepada pegangannya. Dan apa yang lebih penting ialah cuba untuk menumbuhkan idealisme-idealisme perjuangan dalam usaha mencapai cita-cita Islamiah.¹⁷¹

¹⁷⁰ Muhammad Abu Bakar (1987), *Penghayatan Sebuah Ideal: Suatu Tafsiran Tentang Islam Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 15.

¹⁷¹ Siddiq Fadzil (2010), "Melayu Dan Persoalan Jati Diri: Memaknai Fenomena Keislaman Dalam Sejarah Bangsa", *Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Melayu (PAIMM)*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial pada 5 & 6 Oktober 2010, h. 6.

Dan melalui garis panduan yang diberikan oleh Mohd Jamil Mukmin (2009), Muhammad Abu Bakar dan Sididq Fadhil (2010) ini, maka pengkaji mengandaikan garis panduan ini juga digunakan untuk kita memberi penilaian tentang pelaku (tokoh) kepada pengerak ke arah kebangkitan semula Islam ini. Tokoh yang saya maksudkan ialah Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah al-Rawi yang juga merupakan pengasas *Majalah al-Islah*.

Namun sebelum pengkaji mengemukakan bahagian ini secara terperinci, terlebih dahulu pengkaji akan nyatakan mengenai kerangka teori yang digunakan bagi menjelaskan bahagian ini. Seperti sedia maklum berdasarkan kajian-kajian lepas, seperti Ahmad Fathy al-Faṭāni yang banyak mengkaji biografi ulama-ulama besar dari Patani. Melalui kajiannya, beliau telah membahagikan penulisannya kepada beberapa bahagian agar mudah dikaji bermula dengan latar belakang, pendidikan, kerjaya, aktiviti penulisan atau sumbangan kemudian diikuti dengan kewafatannya.

Seorang lagi penulis yang banyak menulis mengenai tokoh iaitu tidak asing lagi Wan Mohd Shaghir Abdullah yang banyak mengkaji mengenai ulama-ulama Nusantara. Sungguhpun begitu, kajian beliau ini dilihat agak umum namun masih terdapat kerangka teori yang boleh digunakan oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian tokoh ini. Oleh itu, berpandukan kerangka teori Ahmad Faṭhy al-Faṭāni, ia telah menarik minat pengkaji untuk menggunakan teori yang digunakan untuk melengkapkan kajian ini. Dan antara perkara utama yang akan difokuskan di dalam kajian biografi tokoh bermula dengan (i) latar belakang, (ii) latar pendidikan, (iii) kerjaya, (iv) sumbangan dan (v) kewafatannya.

9.1 Latar Belakang

Nama beliau ialah Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah al-Rawi atau lebih dikenali sebagai Haji Yusof Rawa. Beliau dilahirkan di Lebuh Aceh, Pulau Pinang pada 8 Mei 1922 M bersamaan 10 Ramadan 1340 H.¹⁷² Bapanya, Haji Abdullah bin Haji Noordin al-Rawa adalah seorang peniaga berketurunan Rawa¹⁷³ yang merantau dari Kampung Rawa, Sumatera Barat. Manakala ibunya bernama Hajah Asmah binti Haji Salleh.¹⁷⁴ Bapanya berdagang kitab suci al-Quran, kitab-kitab Arab dan Jawi serta alat-alat kegunaan untuk ibadat seperti tasbih, sejadah dan lain-lain.

Beliau mempunyai tujuh orang adik beradik iaitu Anuar, Jawahir, Kamariah, Abdul Majid, Tahir, Hashim dan Shamsudin. Haji Abdullah adalah seorang alim dan rajin dalam mengusahakan perniagaan percetakan dan penerbitan yang diberi nama United Press dan Maktabah Haji Abdullah bin Mohd Nordin al-Rawi. Latar belakang Haji Abdullah yang berilmu dan gigih ini banyak mempengaruhi keperibadian Tuan Haji Yusof Rawa dalam menuntut ilmu dan maju dalam bidang yang dipilihnya. Maka tidak hairanlah jika beliau maju dalam bidang perniagaan sehingga dikaitkan sebagai pengasas kepada Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang.¹⁷⁵

¹⁷² Bagi pendapat penulis 8 Mei 1922M bersamaan 11 Ramadhan 1340H pada hari Isnin. Di samping itu juga terdapat pendapat yang menyatakan 6 Mei 1922M.

¹⁷³ Istilah "Rawa" pada konteks perbicaraan kita ialah merujuk kepada salah satu etnik suku bangsa Melayu daripada perkataan Rao, satu tempat yang terdapat di Sumatera. Perkataan Rawa hanya popular di Mekah dan Malaysia. Ianya kurang dikenali di Rao sendiri. Hal ini hampir sama dengan suku bangsa Bawean, masyarakat di Malaysia dan Singapura menamakannya Boyan. Sedang istilah Boyan kurang dikenali di Indonesia sendiri. Barangkali penggunaan istilah Rawa di Malaysia bermula daripada Haji Abdullah Noordin al-Rawi yang mengasaskan syarikat percetakan dan penerbit Persama Press pada tahun 1921 di Lebuh Aceh, Pulau Pinang. Pada asalnya disebut "ar-Rawi" mengikut istilah Arab yang bermaksud dibangsakan kepada "Rao" tetapi lama-kelamaan menjadi "ar-Rawa" yang menunjukkan asal seseorang itu, iaitu daripada daerah "Rao", di Sumatera. Tidak terdapat sejarah yang menceritakan orang-orang Rawa yang menuntut atau menetap di lain-lain negeri atau negara menggunakan istilah atau perkataan "Rawi" atau "Rawa" dicantumkan pada bahagian akhir nama mereka. Penggunaannya juga dikatakan digunakan pada sekitar awal abad ke-19 khususnya sewaktu aktiviti pengajian Islam sedang berkembang pesat di Mekah. Lihat lanjut Wan Mohamad Saghir Abdullah, Syeikh Muhammad Murid Rawa dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 19 Mac 2007.

¹⁷⁴ Farish A Noor (1999), "Ustaz Haji Yusof bin Abdullah al-Rawa: Architect of the 'new PAS' of the 1980s". <http://www.mail-archive.com/hizb@hizbi.net/msg11764.html> diakses pada 29 November 2010.

¹⁷⁵ Badlihissham Mohd Nasir (2006), "Ketokohan Dan Pemikiran Dakwah Tuan Haji Yusof Rawa (1922-2000)", *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III Ketokohan Dan Pemikiran Ulama Melayu*. Farid Mat Zain, Jaffary Awang & Rabitah Mohd Ghazali (ed.), Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Pulau Pinang, h. 136-137.

Mengenai perkahwinan pula, beliau mengakhiri zaman bujang dengan mengahwini wanita pilihan ibunya iaitu Hajah Kalsom binti Ali (anak angkat Hajah Asmah ketika belajar di al-Huda, Pulau Pinang)¹⁷⁶ dan dikurniakan 11 orang cahaya mata. Mohd Khairi, Ahmad Nazrien, Usamah, Ahmad Yusra, Widad, Raeda, Zurina, Afifah, Aida, Ratna Huda dan Mujahid. Salah seorangnya ialah Mujahid Haji Yusof Rawa yang meneruskan perjuangan beliau di dalam tampuk pemerintahan PAS kini.

Di mata keluarganya, walaupun beliau bersifat penyayang namun, beliau juga merupakan seorang ketua keluarga yang tegas dengan disiplin-disiplin agama. Sifat positif ini turut diakui oleh rakan-rakan yang menggelarnya sebagai *al-Zāim*, justeru sifatnya yang pemurah dan suka membantu. Ini dapat dilihat di atas usaha beliau menubuhkan sebuah yayasan yang diberi nama *Warathāt Haji Yusof Rawa* pada tahun 1996 bagi memanfaatkan hartanya ke jalan Allah. Justeru itu tidak hairanlah dengan sifat keperibadian yang tinggi beliau telah dianugerahkan sebagai Jaksa Pendamai dan Tokoh Maal Hijrah peringkat negeri Pulau Pinang pada tahun 1992.¹⁷⁷

9.2 Pendidikan

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Hutan Mayat di Jalan Carnavon sehingga darjah empat. Kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Charausta¹⁷⁸ di Transfer Road. Pendidikan menengah bermula di *Inggeris Government English School*. Ketika dibangku sekolah lagi, Tuan Haji Yusof Rawa menunjukkan

¹⁷⁶ Hajah Kalsom binti Ali adalah seorang gadis keturunan Rawa di Perak yang dikaitkan dengan keturunan Pagar Ruyong dan berpunca dari salasilah keturunan Raja Kemala. Ayahnya adalah dari keturunan bangsawan yang mewarisi tanah-tanah kebun di sekitar Tanjong Malim, Slim River dan Behrang. Hajah Kalsom ditinggalkan yatim piatu ketika umurnya 10 tahun. Haji Ali meninggal muda kerana penyakit yang dialaminya dan Hajah Mai pula bondanya meninggal kerana sakit juga. Hajah Kalsom tiga beradik telah dijaga oleh Hajah Asmah ketika mereka belajar di al-Huda.

¹⁷⁷ Badlishisham Mohd Nasir (2006), *op.cit.*, h. 137.

¹⁷⁸ Shaari Sungib (t.t.), *Biodata Lima Tokoh Perjuangan Pas*. Gombak: PAS Gombak & Penerangan PAS Gombak, h. 20.

minat yang cukup tinggi dalam pelajaran dan beliau adalah seorang kanak-kanak yang aktif bersukan khususnya sukan bola sepak yang menjadi kegemarannya.¹⁷⁹

Kecemerlangannya dalam menguasai bahasa Inggeris menyebabkan beliau ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke *Penang Free School* sebuah sekolah elit yang terkenal pada ketika itu. Dan akhirnya berjaya memperolehi *Junior Cambridge*. Kejayaannya itu menjadi kebanggaan kerana pada ketika itu tidak ramai anak Melayu yang mampu sampai ke tahap itu. Beliau menanamkan cita-cita untuk menjadi peguam dan pegawai tinggi kerajaan seperti yang dilakukan oleh pelajar-pelajar terdahulu yang berpendidikan Inggeris.

Namun keadaan ini tidak menjadi kebanggaan kepada Haji Abdullah yang lebih kepada pemikiran ortodoks. Beliau bimbang sekiranya Tuan Haji Yusof Rawa hanyut apabila terdedah kepada budaya Barat yang diterapkan di sekolah tersebut. Beliau mempunyai agenda tersendiri untuk anak keduanya ini. Bagi beliau, Yusof Rawa mesti menjadi seorang ulama terbilang suatu hari nanti bagi memimpin dan menyambung perjuangan Islam.

Oleh itu, bagi mengelakkan Tuan Haji Yusof Rawa 'dikristiankan', bapanya menghantar beliau ke Mekah untuk menyambung pengajian ilmu agama dan bahasa Arab. Di Mekah, beliau menerima pendidikan di *Ma'ahād al-Falāh* menerusi bidang Usuluddin dan berjaya memperolehi *Diploma Takhāssus al-Dinī* dan turut berguru dengan syeikh-syeikh alim dari Nusantara dan tempatan. Pendedahan awal kepada mazhab Syafie dan kemudian mazhab feqah dari aliran Wahabi dan Maliki membuatkan

¹⁷⁹ Mujahid Haji Yusof Rawa (2001), *Permata Dari Pulau Mutiara*, Warathah Haji Yusof Rawa Sdn. Bhd., dan Dewan Muslimat Sdn. Bhd, h. 16.

ufuk feqahnya bertambah luas dan dapat mentaufiqkan antara aliran-aliran feqah yang dipelajarinya.¹⁸⁰

Ini kerana dikatakan pada ketika itu berlakunya ketaksuban yang melampau kepada mazhab feqah sehingga menyebabkan masyarakat hidup dalam kelompok mazhab yang diikutinya. Sungguhpun begitu, kajian-kajian akidah ahli *Sunnāh wal Jamāah* yang menjadi teras pengajiannya di Mekah telah membentuk kefahaman akidah beliau kepada permasalahan umat yang pada zamannya melalui zaman kemalapan kerana rata-rata bumi Islam dijajah pada ketika itu.¹⁸¹

Di samping itu, beliau turut mengikuti perkembangan pemikiran dunia Islam ketika itu. Pemikiran tokoh-tokoh Islam seperti Jamaluddin al-Afghani,¹⁸² Muhammad Abduh,¹⁸³ Hasan al-Banna,¹⁸⁴ Syed Qutub dan lain-lain tokoh Ikhwan diikuti dengan penuh minat. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi Tuan Haji Yusof Rawa dari segi fikrahnya terhadap Feqah Ibadat dan Feqah Siasah.

Mengikuti perkembangan semasa yang berlaku di dunia Islam telah mengubah perspektif dan banyak mengajarnya erti pemikiran Islam kontemporari. Hasil cetusan hatinya dalam mengenal suasana baru dalam fasa kehidupan menuntut beliau untuk bergerak seiring dengan perubahan semasa. Bermula sebagai seorang mahasiswa, beliau mula melibatkan diri dalam aktiviti pergerakan pelajar. Beliau menganggotai Persatuan Pelajar Melayu Mekah dan pernah menjadi Setiausaha Agung Lembaga

¹⁸⁰ *Ibid.*, h. 26.

¹⁸¹ *Ibid.*, h. 27.

¹⁸² Nama sebenar Sayid Jamaluddin al-Afghani ialah Muhammad Jamaluddin al-Afghani al-Husaini (1838-1897M) merupakan seorang aktivis politik dan nasionalis Islam di Afghanistan, Iran, Mesir dan Empayar Uthmaniyyah semasa kurun ke-19. Beliau merupakan salah seorang pelopor pemodenan Islam yang berpegang teguh dengan akidah Syiah.

¹⁸³ Nama sebenar Syeikh Muhammad Abduh ialah Muhammad bin Abduh bin Hasan Khairullah. Beliau merupakan seorang pakar undang-undang berbangsa Mesir, ilmuan agama, dan reformis pendidikan melalui pengislahan dalam sistem pendidikan.

¹⁸⁴ Hassan al-Banna (14 Oktober 1906 - 12 Februari 1949) merupakan seorang reformis sosial dan politik Mesir yang terkenal sebagai pengasas gerakan Jamiat al-Ikhwan al-Muslimun.

Tanah Melayu dalam usaha membantah penubuhan Malayan Union dari luar negara bagi menuntut kemerdekaan negara.

Pada tahun 1947, akhirnya Tuan Haji Yusof Rawa pulang ke tanah air dengan gabungan ilmu agama dan sekular. Ilmu agama diperolehinya di Mekah sementara ilmu sekular didapatinya ketika berada di alam pendidikan Inggeris dahulu. Adunan dua bidang ilmu inilah yang kemudiannya membentuk personaliti beliau sebagai seorang ulama dan juga seorang profesional. Satu personaliti menarik yang amat didambakan oleh pemimpin-pemimpin kita pada hari ini.

9.3 Kerjaya

i. Ahli Perniagaan

Tuan Haji Yusof Rawa mewarisi bakat berniaga daripada ayahnya. Semasa di Mekah lagi, beliau telah berjinak-jinak dalam bidang perniagaan. Pada tahun 1945, beliau bekerja di syarikat import eksport Hosni Gamal sebagai kerani, setiausaha dan penterjemah dan pada masa yang sama mengambil Diploma Pengurusan di *Bennette College Sheffield England* secara gaya pos.¹⁸⁵ Di sinilah beliau terdedah kepada dunia perakaunan, perhubungan awam dan pengurusan perniagaan. Kesibukan mengendalikan perniagaan Hosni Gamal telah membawa beliau merantau ke Mesir, Lubnan yang merupakan pusat perdagangan tersibuk di dunia Arab ketika itu. Pendedahan kepada dunia luar terutamanya Asia Barat telah mempengaruhi pemikiran modernisme beliau.

¹⁸⁵ Mustafa Abdullah (2009), "Haji Yusof bin Haji Abdullah al-Rawi" dalam *Khazanah Tafsir Di Malaysia*, Pro Publishing Services, h. 216.

Di tanah air pada tahun 1921, bapanya telah menubuhkan sebuah syarikat percetakan dan penerbitan The United Press.¹⁸⁶ Namun akibat Perang Dunia Kedua yang telah mengorbankan bapanya, turut juga memusnahkan perniagaan yang dijalankan selama ini. Hajat ibunya mengarahkan beliau segera pulang agar dapat membangunkan semula perniagaan yang telah musnah akibat tragedi yang menyayat hati itu. Bagi Tuan Haji Yusof Rawa ini adalah cabaran pertama yang perlu dilalui sekembalinya dari Mekah. Untuk membina semula perniagaan yang telah hancur akibat peperangan bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Memulihkan perniagaan yang bankrap agak mudah berbanding memulihkan perniagaan yang telah hancur kerana bencana yang melibatkan premis dan barang-barang adalah sesuatu yang mencabar keazaman seseorang yang bergelar usahawan.

Berbekalkan semangat dari bondanya, Tuan Haji Yusof Rawa berazam untuk memulihkan perniagaan yang telah diusahakan oleh bapanya selama ini. Bagi membangunkan semula perusahaan itu, beliau telah membuka syarikat percetakan sendiri dengan Maktabah Haji Abdullah bertindak sebagai pengedar dan penerbit tunggal. Maka tertubuhlah Percetakan The United Press di Jalan Datok Keramat yang terletak ditengah-tengah kesibukan kota. Selain menjadi pencetak kepada buku-buku Bahasa Arab untuk kegunaan ssekolah pondok dan agama seluruh Malaysia, beliau juga mendapat kontrak dari Kementerian Pelajaran bagi menyusun dan mencetak buku-buku Bahasa Arab, kitab-kitab Jawi dan buku-buku matapelajaran agama untuk kegunaan sekolah-sekolah di Tanah Melayu.

¹⁸⁶ Percetakan yang didirikan oleh Haji Abdullah bin Nordin ar-Rawa juga dikenali sebagai Mathba'ah Persama. Syarikat percetakan yang telah banyak berjasa itu kemudiannya diuruskan oleh Haji Yusof Rawa. Hingga kini syarikat tersebut masih beroperasi di Jalan Kampung Jawa, Bayan Baru dikenali sebagai Safir Ilmu Enterprise kemudian diurus oleh anak Haji Yusof Rawa sendiri iaitu Mujahid bin Yusof ar-Rawa. Daripada percetakan tersebutlah bermula penggunaan istilah Rawa khususnya terhadap aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan percetakan serta penerbitan kitab. Dari mathba'ah tersebut melibatkan sumbangan masyarakat berketurunan Rao atau Rawa yang menetap di Semenanjung Tanah Melayu didokumen dalam bentuk cetakan nama pada kitab-kitab.

”...after his Junior Cambridge Examination at the Penang Free School, he underwent Islamic studies for a decade in the Middle East – but he returned a business man...”¹⁸⁷

Di samping itu juga, beliau turut berjinak dalam bidang industri perikanan. Beliau telah membeli beberapa buah bot untuk menangkap ikan di laut dalam. Sebagai tanda kasih dan sayang terhadap anak-anaknya, salah satu bot kepunyaannya telah diberi nama Khairusam mengambil sempena nama anak-anaknya antaranya ialah Khairi, Usamah, Yusra dan Mujahid. Selain dari tangkapan laut dalam, beliau bersama seorang rakan kongsinya Pak Wahi membeli sebuah ladang getah dengan nama “Selamat Air Putih Estet” di Gurun, Kedah dan memiliki beberapa saham dalam syarikat pengangkutan di Pulau Pinang.

Sebagai seorang lepasan pengajian agama, kejayaan Tuan Haji Yusof Rawa dalam bidang perniagaan adalah amat mengagumkan. Kebiasaannya lepasan Mekah pulang ke tanah air membuka pondok-pondok dan menjadi tuan-tuan guru. Sebaliknya beliau membuka kedai buku dan percetakan serta menjadi seorang ahli korporat yang berjaya. Anak beliau, Mujahid bin Yusof Rawa¹⁸⁸ pernah menulis bahawa Dewan Perniagaan Pulau Pinang itu sendiri merupakan cetusan daripada idea awal ayahnya untuk mewujudkan rangkaian Perniagaan Melayu Pulau Pinang.

Kejayaan ini adalah hasil idealisme yang dipegangnya selama ini. Idealisme dalam melaksanakan hadis Rasulullah s.a.w. tentang keberkatan berniaga sendiri. Menurut beliau lagi, sebagai anak Melayu Pulau Pinang yang terpinggir dari arus perniagaan, usaha perlu digandakan bagi memartabatkan

¹⁸⁷ M.G.G. Pillai (2000), “Haji Yusof Rawa (1921-2000) A Political Assessment” dalam Kamarudin Jaffar (ed.), *Memperingati Yusof Rawa*, IKDAS Sdn. Bhd., h. 24.

¹⁸⁸ Dr. Mujahid Yusof Rawa merupakan Ahli Parlimen Parit Buntar, Negeri Perak dari PAS dan merupakan anak kepada Mursyidul Am PAS yang pertama iaitu Allahyarham Tuan Guru Yusof Rawa. Beliau merupakan Pengerusi Lajnah Perpaduan Nasional PAS Pusat. Lihat lanjut Dr Mujahid Yusof Rawa, http://ms.wikipedia.org/wiki/Mujahid_Yusof_Rawa 13 Disember 2009.

agenda ekonomi Melayu Pulau Pinang bagi bersaing dengan peniaga Cina yang lebih mantap jalinan perniagaannya. Selain itu, perniagaan ini juga dijadikan dahan untuk menampung kerja-kerja politik yang diceburinya ketika itu. Kerana hasil pegangan yang tersemat di hatinya inilah yang menjadikan beliau seorang tokoh perniagaan yang berwawasan dan berketerampilan. Dan bagi menyambung generasi perniagaan ini, anak-anak beliau telah menubuhkan sebuah syarikat Warathah Haji Yusof Rawa Sdn. Bhd.¹⁸⁹ sebagai tapak generasi ketiga Haji Abdullah Nordeen.

ii. Ahli Politik

Penglibatan Tuan Haji Yusof Rawa di dalam bidang politik PAS¹⁹⁰ bermula pada tahun 1959 apabila beliau menjawat jawatan Pesuruhjaya PAS Negeri Pulau Pinang menggantikan saudara Ahmad Azam. Beliau kemudiannya menduduki Jawantankuasa Agung PAS selama 18 tahun. Dalam Pilihanraya Umum tahun 1969, beliau telah bertanding di Parlimen Kota Setar Selatan menentang Dr. Mahathir Mohamad dan menang dengan majoriti 989 undi. Beliau memperolehi sebanyak 13 021 undi manakala Dr. Mahathir hanya memperolehi 12 032 undi. Kejayaan tersebut merupakan kejayaan terbesar beliau dalam sejarah penyertaannya dalam pilihanraya sehingga mendapat jolokan sebagai *gaint-killer*.

¹⁸⁹ Nama Warathah Haji Yusof Rawa dipilih sendiri oleh Haji Yusof Rawa. Warathah di dalam Bahasa Melayu bermaksud warisan anak-anak.

¹⁹⁰ Parti Islam Se-Malaysia adalah sebuah parti pergerakan Islam di Malaysia yang dipimpin oleh Presiden parti, Dato Seri Tuan Guru Hj. Abdul Hadi bin Awang. PAS cuba mengimbangi perjuangan nasionalisme UMNO sebagai sebuah parti yang mendokong Islam. Dengan tidak menafikan bahawa semangat perjuangan yang berteraskan kepada Islam di negara ini telahpun wujud semenjak tahun 1906 lagi, yang telah dibawa dan diperjuangkan oleh golongan pembaharuan atau reformasi Islam yang mendapat pendidikan di Timur Tengah (antaranya termasuklah Syed Sheikh al-Hadi, Sheikh Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Mohd. Taha) yang berpusat di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang, PAS yang muncul pada tahun 1951 adalah atas kesedaran masyarakat Melayu (pada waktu itu) untuk melihat Islam dapat ditegak dan didaulatkan di negara ini.

Di Muktamar PAS ke-27 pada tahun 1981 menyaksikan Tuan Haji Yusof Rawa dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS menentang penyandangannya Dato Abu Bakar Umar. Ketika itu PAS sedang terumbang-ambing dilanda krisis selepas kegagalan dalam percubaan untuk bergabung dengan UMNO dalam Barisan Nasional pada tahun 1977. Akibat dari krisis yang memuncak, akhirnya Yang Dipertua Agung PAS, Dato Haji Mohd Asri bin Muda meletakkan jawatan pada bulan Oktober 1982. Sejak itu, Tuan Haji Yusof Rawa diamanahkan memangku jawatan Yang Dipertua Agung PAS. Pada tahun yang berikutnya, dalam muktamar PAS ke-29 yang berlangsung di Kuala Lumpur, beliau telah disahkan sebagai Yang Dipertua Agung PAS yang kelima.

Ketokohnya telah diiktiraf oleh kawan dan lawan politiknya. Ia seorang ahli politik yang sangat versatile, luas pergaulan, dikenali ketokohnya di dalam dan luar negara, sementara bacaan politik dan strateginya tepat.

Dato' Haji Fadzil Mohammad Noor, Presiden PAS¹⁹¹

Perkara ini turut diakui oleh Dr. Mohd Rosdi Mohd Yusof (2004):

*“Allahyarham Haji Yusof Rawa adalah seorang ulama dan aktivis politik yang disegani serta mempunyai pengalaman luas sebagai ahli diplomatik negara khasnya ketika menjadi Duta Besar ke Iran. Beliau melihat sejarah perkembangan dakwah di Malaysia ini secara jujur”.*¹⁹²

“Haji Yusof Rawa's role in all this, although he had left the PAS presidency 12 years ago, is crucial. He was the father figure the PAS Islamicists had, but his role went beyond that of a figurehead. PAS leaders told me, when I asked them about his leadership years ago for an article I was writing then, that he provided the solidity that enabled the party to develop into what it is today. His background would have prepared him for that...”

M.G.G. Pillai¹⁹³

¹⁹¹ Dato' Haji Fadzil Mohamad Noor (2001), “Yusuf Rawa Role-Model Bagi Pejuang Islam” dalam *Permata Dari Pulau Mutiara*, Warathah Haji Yusof Rawa Sdn. Bhd., h. i.

¹⁹² Dr. Mohd Rosdi Mohd Yusof (2004), *Perjuangan UMNO Ke Arah Memartabatkan Bangsa Dan Agama*, Darul Fikir Sdn. Bhd., h. 85.

¹⁹³ M.G.G. Pillai (2000), *op.cit.*, h. 24.

Beliau memegang jawatan ini sehingga pada 31 Mac 1989 apabila beliau mengalami keuzuran. Beliau melepaskan jawatannya pada muktamar yang ke-35. Ketika bersara inilah, beliau telah dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah peringkat negeri Pulau Pinang pada tahun 1992 sebagai tanda pengiktirafan atas jasa bakti beliau pada agama, bangsa dan negara. Keuzurannya yang berpunca daripada penyakit kencing manis, lemah jantung dan paru-paru berair menghalang beliau daripada bergerak dengan lebih aktif.

iii. Karya Penulisan

Tuan Haji Yusof Rawa banyak menyumbang jasa kepada masyarakat dengan menghasilkan beberapa buah karya yang bermutu. Dengan memiliki syarikat percetakan sendiri beliau tidak mempunyai masalah untuk menerbitkan karyanya sendiri. Syarikat percetakan yang dinamakan Syarikat Percetakan al-Rawa itu dibuka pada tahun 1946 sekembalinya beliau daripada menuntut ilmu di Mekah. Malah sebelum mempunyai syarikat percetakan sendiri, beliau telah pun menulis artikel untuk dihantar ke majalah-majalah di tanah air sedangkan beliau pada ketika itu masih menetap di luar negara. Ini dapat dilihat apabila hasil cetusan ideanya telah tersiar menerusi *Warta Jenaka*, *Warta Malaya*¹⁹⁴ dan *Warta Ahad* pada tahun 1937.¹⁹⁵

¹⁹⁴ *Warta Malaya* adalah akhbar harian berbahasa Melayu yang dikendalikan oleh Ibrahim Yaakob. Akhbar ini diterbitkan sekitar tahun 1931-1941 iaitu sebelum Perang Dunia II. Ia menjadi media memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda. *Warta Malaya* diterbitkan di Singapura. Editornya terdiri daripada Onn bin Jaafar (1930-1933), Sayyid Alwi bin Sayyid Sheikh al-Hadi (1933-1934), Sayyid Hussein bin Ali Alsagoff (1934-1941) dan Cikgu Ibrahim Yaakob (1941). Dengan bantuan pihak Jepun, Ibrahim Yaakob telah membeli *Warta Malaya* ini pada 1941. Ibrahim menjadi agen Jepun pada ketika itu. *Warta Malaya*, http://ms.wikipedia.org/wiki/Warta_Malaya, 10 Disember 2009.

¹⁹⁵ Mustafa Abdullah (2009), op.cit., h. 216.

Di samping itu, beliau turut mengarang buku-buku agama. Selain mengarang buku, Tuan Haji Yusof Rawa juga menerbitkan majalah dwi-mingguan *Majalah al-Islah* pada tahun 1970. *Al-Islah* ini diusahakan bersama sahabatnya seperti Ustaz Talib Azmi dari Kulim dan Pak Abu dari Kampung Baru, Selangor. Kolum tetap yang dikhaskan untuk tujuan Fikrah Islam yang ketika itu masih baru ialah terjemahan dari buku *Maālim Fī Tāriq* dan *Fī Zilālil Qu'rān* karangan pemikir Islam unggul al-Syahid Syed Qutub.¹⁹⁶ Majalah tersebut telah diedarkan ke seluruh Malaysia, Brunei dan Indonesia. Beliau sendiri menulis di ruangan Tafsir al-Quran.¹⁹⁷ Selain itu, beliau turut menyebarkan dakwahnya dengan mengarang risalah-risalah perjuangan gerakan Islam seperti Ikhwan al-Muslimun¹⁹⁸ dan Jamaat Islami¹⁹⁹ dan diedarkan kepada masyarakat *non Muslim* di Pulau Pinang.²⁰⁰

Manakala buku-buku pelajaran²⁰¹ pula, seperti buku Geografi dalam Bahasa Arab, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Mandarin juga diterbitkan bagi kegunaan sekolah-sekolah agama di Tanah Melayu. Beliau juga tidak ketinggalan menceburi bidang pengajian tafsir dengan menghasilkan sebuah kitab tafsir yang dinamakan *Tafsir al-Rawi Juzu' Amma*.²⁰² Selain buku ilmiah yang sarat dengan mutiara ilmu, beliau juga turut menghasilkan sebuah karya

¹⁹⁶ Mujahid Haji Yusof Rawa (2001), *op.cit.*, h. 62.

¹⁹⁷ Dalam ruangan tersebut beliau menterjemah *Tafsir fi Zilalil Quran* tulisan Syed Qutub. Bahkan beliau telah menghasilkan sebuah kitab tafsir al-Quran yang diberi nama *Tafsir ar-Rawi*. Tafsir tersebut telah mendapat pengiktirafan daripada Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Ia mula dicetak pada tahun 1950 dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan diulang cetak beberapa kali.

¹⁹⁸ Al-Ikhwan al-Muslimun adalah sebuah gerakan Islam terbesar di zaman moden ini. Seruannya ialah kembali kepada Islam sebagaimana yang termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah serta mengajak kepada penerapan syariat Islam dalam kehidupan nyata. Dengan tegar gerakan ini telah mampu membendung arus sekularisasi di dunia Arab dan Islam. Gerakan ini dipelopori oleh Syeikh Hasan al-Banna (1324 - 1368 H/1906 - 1949 M).

¹⁹⁹ Jamaat al-Islami merupakan satu pergerakan politik Islam yang ditubuhkan oleh Sayyid Abu 'Ala al-Maududi pada 24 Ogos 1941 sebagai sebuah parti politik di Pakistan. Tetapi pada hakikatnya ia sebuah jamaah akidah atau harakah Islamiyah untuk menegakkan sistem hidup Islam di muka bumi ini. Akidahnya ialah dua kalimah syahadah. Kalimah syahadah ini telah ditafsir dan dihuraikan dengan begitu teliti sehingga ia menjadi teras kepada perjuangan Jamaat-i Islami.

²⁰⁰ Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*, h. 217.

²⁰¹ Seperti buku *Nahu Mandarin, Nahu Bahasa Inggeris, Analisa Tentang Beberapa Masalah Hidup Manusia*. Lihat lanjut New Sunday Times, September 19, 1990 "Street of The Malay Traders"

²⁰² Karya ini dicetak oleh Maktabah al-Hajj Abdullah bin Muhammad Noordin al-Rawi, 55 Acheen Streets, Pulau Pinang. Ia diterbitkan oleh The United Press beralamat di 29 Dato' Keramat Road, Pulau Pinang. *Tafsir al-Rawi* ini ditulis dengan tulisan Jawi dalam Bahasa Melayu. Lihat lanjut analisis yang dijalankan oleh Mustafa Abdullah (2009), *op.cit.*

yang mempunyai kesusasteraan tinggi antaranya *Madah Sukma*²⁰³ yang telah mendapat pujian Pendeta Za'ba.

Di samping itu, beliau turut menerbitkan 14 buah buku dan bukunya ini telah dipasarkan di Jakarta. Perpustakaan Haji Abdullah bin Muhammad Nordin ar-Rawi salah sebuah penerbit dan toko buku di Pulau Pinang hasil peninggalan ayahnya telah mempamerkan 14 buah buku penerbitannya dan juga hasil-hasil karya penulis-penulis Islam yang lain. Pameran buku Melayu itu diadakan dengan anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, penerbit-penerbit Malaysia dan kedutaan besar Malaysia di Republik Indonesia.²⁰⁴

Dan melalui ceramah dan tulisannya, Tuan Haji Yusof Rawa telah membuktikan bahawa beliau adalah seorang pemimpin dan pemikir yang berwibawa, mencantumi dalam dirinya kedua-dua aliran fahaman, iaitu Islam reformis yang progresif dan Islam tradisional yang berpusat kepada mazhab Ahli Sunah, terutamanya mazhab Syafi'e. Ini bermakna bahawa pemikirannya sebagai seorang alim tidaklah beku dan terikat kepada persoalan-persoalan asas yang berlegar sekitar fardu ain dan hal-hal yang ringan semata-mata. Kemampuannya untuk bertutur dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris dengan baik dan sifat diplomatiknya dalam hubungan dengan manusia membuka peluang kepadanya untuk membaca pelbagai bahan rujukan dan berinteraksi dengan anggota masyarakat amnya secara lebih berkesan. Dengan latar belakang

²⁰³ *Madah Sukma* (Impian Nafsu Dan Kesedarannya). Maktabah Al-Haj Abdullah bin Mohammad Nur Ad-Din Ar-Rawi, 55, Acheen Street, Penang. Buku ini mengisahkan mengenai khayalan seorang pemuda terhadap dosa dan neraka ketika berniat untuk pergi bersuka-ria.

²⁰⁴ Buku-buku yang dipamerkan ialah al-Quran al-Karim dengan tafsiran Jawi bagi bacaan kanak-kanak yang diterjemahkan oleh Abdullah Abbas Nasition, *Tafsir ar-Rawi*, juzu' 1 & 2 oleh Ibn Rawi, *Sosialisme Islam*, oleh Mustafa as-Siba'i yang diterjemahkan oleh Hassan Salleh, *Simposium Tasawuf* dan *Tarikat* oleh Dr. Burhanuddin Helmi, *Ikhtisar Sejarah Perundangan Islam* oleh Mohsein bin Haji Mansur, *Ringkasan Sejarah Kerajaan Daulah Bani Abbasiyah*, *Ringkasan Sejarah Kerajaan Daulah Bani Umayyah*, *Ringkasan Sejarah Khulafa' ar-Rasyidin*, *Ringkasan Sejarah Islam di Sepanyol*, *Ringkasan Nur al-Yaqin* yang semuanya disusun oleh Mustafa Abdul Rahman. Dan terdapat dua buah buku baru bertajuk *Bagaimana Hendak Mengatasi Dukacita* oleh Abu Abdul Latif dan *Islam dan Keadilan Sosial* oleh Yusuf Ahmad Lubis. Lihat lanjut *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, jil. 1, bil. 10, 1 Julai 1970/27 Rabiul Akhir 1390, h. 19.

pengajiannya yang luas dan pergaulannya hinggalah ke peringkat antarabangsa menjadikan beliau lebih berwibawa dalam memahami masalah-masalah umat Islam dan suasana dunia pada pada zaman moden berbanding kebanyakan ulama yang terdapat di Malaysia. Ciri-ciri yang disebutkan itu menjadikan Tuan Haji Yusof Rawa seorang individu yang agak unik.²⁰⁵

9.4 Meninggal Dunia

Pada 28 April 2000/ 24 Muharam 1421 H, ketika berusia 77 tahun beliau akhirnya dipanggil ke hadrat Ilahi setelah banyak menabur bakti kepada negaranya dan perjuangan yang dikasihinya kira-kira jam 7.00 pagi. Allahyarham meninggalkan seorang balu, 11 orang anak, enam perempuan dan lima lelaki serta 30 orang cucu hasil perkongsian hidup bersama Hajah Kalsom binti Ali.²⁰⁶

Berita kematiannya telah diterima dengan perasaan sedih oleh penyokong dan pimpinan PAS. Rasa kehilangan turut dirasai oleh badan-badan Islam yang menghargai jasa-jasa beliau. Dr. Haji Mohamed Hatta bin Shahrom, Presiden JIM (Jemaah Islam Malaysia) menghantar surat takziah antara lain mengungkapkan bahawa sumbangan yang diberikan oleh Allahyarham dalam era pembangunan ummah dan pertubuhan-pertubuhan Islam merupakan suatu usaha yang tidak boleh kita lupakan sama sekali.

Ini kerana menurut Presiden JIM ini lagi, penglibatan Allahyarham dalam bidang politik negara serta diplomatik antarabangsa merupakan pengalaman yang tiada tolok bandingnya. Memang alim ulama boleh dilahirkan semula seperti kata pepatah Melayu ‘patah tumbuh hilang berganti’. Tetapi dalam konteks ulama ini, yang patah sukar untuk tumbuh semula dan yang hilang sukar diganti.

²⁰⁵ Fadhulllah Jamil (2008), “Tokoh-Tokoh Agama Yang Menulis Di Pulau Pinang”, *Cakerawala Penulisan, Sejarah Dan Intelektualisme Sumbangan Penulis-Penulis Di Pulau Pinang*, Sohaimi Abdul Aziz (ed.), Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 138-139.

²⁰⁶ Berita Harian, April 28, 2000 “Yusof Rawa Tokoh Politik Bertoleransi”. Isterinya Kalsom Ali meninggal dunia pada tahun 1994.

Turut hadir adalah Ketua Menteri Pulau Pinang pada ketika itu, Datuk Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang. Ketua Menteri dari parti gerakan itu, ketika ditanya tentang hubungannya dengan Tuan Haji Yusof Rawa, lantas beliau menjawab:

"Sebenarnya saya tidak mengenali Yusof Rawa dari dekat tetapi saya mendengar tentang kehebatannya. Saya yakin beliau layak mendapat penghormatan terakhir..."²⁰⁷

...Kehilangan Haji Yusof Rawa dirasai oleh umat Islam, bukan sahaja di Malaysia tetapi seluruh dunia, komitmennya kepada perjuangan Islam dan istiqamahnya hingga ke akhir hayat adalah tanda keikhlasan allahyarham. Memang sukar untuk mencari seorang yang begitu banyak pengorbanannya kepada Islam, khususnya PAS.²⁰⁸

Dato' Fadhil Noor

10. Kesimpulan

Apa yang dapat disimpulkan di dalam bab ini ialah mengenai pergerakan Islah di Tanah Melayu yang bermula sebelum merdeka lagi iaitu dari tahun 1906 hinggalah kini, gerakan islah masih bergerak secara aktif, cuma yang membezakannya ialah kaedah dan pendekatan yang digunakan mengikut kesesuaian masa dan tempat. Dengan pengaruh yang kuat dari Timur Tengah dan India telah membuktikan bahawa pergerakan islah di Tanah Melayu memperoleh 'guru-guru' islah yang hebat.

Jika tahap pertama dari tahun 1906 hingga 1930-an dilihat sebagai tahap penyedaran dan memberi nilai kefahaman kepada masyarakat Islam, namun pada tahap kedua (1940 hingga 1948-an), gerakan diperkukuhkan lagi dengan kemunculan parti-parti politik dalam meniupkan semangat kebangsaan dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Kemudian tahap selepas merdeka (1957 hingga 1970-an), kebangkitan semula Islam menjadi semakin rancak apabila masyarakat sudah mula menyedari akan

²⁰⁷ Mujahid Haji Yusof Rawa (2001), *op.cit.*, h. 122.

²⁰⁸ *Ibid.*

pentingnya nilai-nilai jati diri dan kerohanian dipertahankan dalam diri setiap umat Islam.

Pengalaman yang ditimba ketika berada di Mekah al-Mukarramah seperti penglibatan beliau dalam aktiviti persatuan, terpengaruh dengan gagasan dan gaya pemikiran tokoh-tokoh reformis Islam seperti Hassan al-Banna, Muhammad Abduh, Sayyid Jamaluddin al-Aghani dan lain-lain cuba diaplikasikannya dalam beberapa penulisan dan terasasnya *Majalah al-Islah* merupakan salah satu medium penyebaran idea-idea reformis beliau.²⁰⁹

Maka atas dasar itu, Tuan Haji Yusof Rawa sebagai salah seorang parti politik dan pejuang islah di Malaysia telah turut sama memainkan peranan dalam memperjuangkan idea-idea pembaharuan. Metode yang digunakan ialah dengan menjadikan persuratan sebagai agen utama dalam menyebarkan idea islahnya telah berjaya menyemarakkan api perjuangan islah. Pada pendapat pengkaji, Tuan Haji Yusof Rawa adalah salah seorang tokoh islah yang mempunyai jati diri yang gigih dalam menyemaikan semangat Islam di dalam diri setiap individu Muslim. Walaupun beliau lebih dikenali sebagai seorang ahli politik Islam, namun sejarah pemikiran yang dibawanya melangkaui bidang yang diceburinya. Ini kerana asas pemerintahan dijadikan sebagai saluran dalam menyuarakan ideologi-ideologi dalam membangunkan masyarakat Islam.

Justeru itu, untuk mencapai hasrat dan tanggungjawab dalam memperjuangkan menegakkan daulah Islamiyah dengan penuh kesedaran bukanlah suatu perkara yang mudah. Pelbagai rintangan terpaksa dihadapi dan memerlukan kepada persiapan-persiapan yang menyeluruh. Persiapan dalam pembangunan fizikal dan organisasi,

²⁰⁹ Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah (2009), "Idea-Idea Reformis Era 70-an: Bacaan Awal Terhadap *Majalah al-Islah*", Azmul Fahimi Kamaruzaman, Ermy Azziaty Rozali et.al., (ed.), (Prosiding Pengajian Arab dan Tamadun Islam pada 29-30 Disember 2009), h. 187.

persiapan kesedaran, pemikiran, keilmuan serta kesediaan rohaniah yang tinggi dan kesetiaan kepada perjuangan berlandaskan syariat menjadi peneraju utama sesuatu kejayaan yang hakiki. Persiapan-persiapan ini amat perlu kerana *pertarungan sebenar masa kini dan pertarungan sebenar masa depan adalah pertarungan minda.*²¹⁰

²¹⁰ Datuk Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Ucapan Dasar Presiden UMNO di Perhimpunan Agung Ke-60 bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC) pada 15 Oktober 2009.